

Jilid III  
Bil. 21



Hari Selasa  
9hb Jun, 1981

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN    MULUT    BAGI    PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2773]

RANG    UNDANG-UNDANG    DIBAWA    KE    DALAM    MESYUARAT  
[Ruangan 2821]

#### USUL-USUL:

Akta Perubatan 1971—

Ketetapan di bawah Seksyen 39 (3) untuk meneruskan Bahagian VII  
[Ruangan 2822]

Penangguhan [Ruangan 2879]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 2867]

#### UCAPAN PENANGGUHAN: [Ruangan 2880]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**  
*Penyata Rasmi Parlimen*  
**PENGGAL YANG KETIGA**  
**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (Dr) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN  
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan  
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Segamat).**

,, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

,, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD  
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

,, Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

,, Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD  
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.  
(Kota Bharu).

,, Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.  
(Labis).

,, Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

,, Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

,, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO  
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

,, Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

,, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

,, Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

**Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)**

- ,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- ,, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput)
- ,, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ,, Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ,, Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ,, Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Kimanis).
- ,, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ,, Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ,, Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ,, Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ,, Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ,, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ,, Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahaan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

**Yang Berhormat TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).**

- „ **TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- „ **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).**
- „ **DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).**
- „ **DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA (Paloh)**
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).**
- „ **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).**
- „ **TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- „ **TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).**
- „ **TUAN CHAN KOK Kit *alias* CHAN Kit (Sungai Besi).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. DAVID (Damansara).**
- „ **TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECCK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

Yang Berhormat TUAU MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- ,, TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ,, TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ,, TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ,, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ,, TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ,, TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ,, DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ,, DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ,, TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ,, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ,, TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ,, TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ,, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ,, DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ,, DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ,, TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ,, TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ,, TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ,, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ,, TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ,, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ,, TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ,, TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ,, TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ,, DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ,, TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ,, TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).

- ,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).  
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).  
,, TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).  
,, DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).  
,, TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).  
,, PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).  
,, DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.(Padawan).  
,, DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).  
,, TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIAMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

**Selasa, 9hb Jun, 1981**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan  
*Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KECEMARAN SUNGAI-SUNGAI**

**1. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan kecemaran terhadap sungai-sungai yang utama di Sarawak. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya memang sedar akan masalah kecemaran sungai-sungai yang utama di Sarawak.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya, meliputi seluruh Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Tindakan-tindakan telah pun diambil oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya untuk menguatkuasakan Peraturan-peraturan tersebut. Peraturan-peraturan bagi mengawal effluen kilang minyak kepala sawit dikuatkuasakan mulai pada 1hb Julai, 1978 manakala kilang getah telah dikuatkuasakan pada 1hb April, 1979. Peraturan-peraturan Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian pula telah mulai dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1979.

Dengan tertubuhnya pejabat Wilayah Bahagian Alam Sekitar di Kuching mulai 1hb Januari, 1981, penguatkuasaan yang lebih berkesan akan dapat dilaksanakan di samping

meningkatkan keupayaan pengawasan. Beberapa rancangan pengawasan telah ditetapkan untuk 7 limbangan sungai di Sarawak bagi melengkapkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Dengan adanya Pejabat Wilayah di Sarawak akan meningkatkan lagi prestasi serta pengawasan Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya di Negeri Sarawak, untuk mengatasi masalah pencemaran di sungai-sungai.

**Tuan Chieng Tiong Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kebanyakan sungai-sungai di Negeri Sarawak telah kecemaran, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada kecemaran sungai-sungai itu telah mempengaruhi ecology di dalam sungai-sungai itu. Jika ya, adakah Kerajaan menghantar pakar-pakar ke negeri Sarawak untuk menyelidik hal ini?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ecology berkenaan sungai-sungai ini sedang dalam kajian. Pada masa sekarang terdapat 13 orang pegawai - seorang Pegawai Kawalan, seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan dan 6 orang Penolong Pegawai, 3 orang Juruteknik, seorang Juruteknik Rendah dan seorang Atenden Makmal telah ditempatkan di Negeri Sarawak dan ini akan dapat menyiasat perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa semenjak berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-peraturan yang tertakluk di bawah Akta ini, berapa orangkah atau kilang telah dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar peraturan-peraturan yang mana mereka didapati mencemari sungai-sungai seperti Sungai Rajang di Sarawak, Sungai Menglipor di Keluang dan juga kebanyakan sungai-sungai

di Pahang di mana mengakibatkan kehidupan Orang Asli terganggu sehingga kehidupan dalam sungai ini adalah membawa satu masalah kepada kehidupan Orang Asli?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu luar daripada soalan asal.

### STESYEN MINYAK PETRONAS

**2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah targetnya stesyen minyak PETRONAS akan diadakan di tiap-tiap buah Negeri dalam Malaysia untuk membekalkan petrol yang secukupnya supaya bahan-bahan ini tidak dimonopoli oleh syarikat-syarikat minyak antarabangsa dan sama ada harga minyak petrol ini dapat dikawal supaya tidak dinaikkan terlalu tinggi yang boleh menjelaskan ekonomi rakyat.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa mengikut rancangan yang disediakan oleh PETRONAS adalah dijangkakan tiap-tiap negeri di Malaysia sekurang-kurangnya akan mempunyai sebuah stesyen minyak menjelang tahun 1983 ataupun 1984.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, suka saya menyatakan bahawa harga barang-barang petroleum seperti petrol, premium dan regular, minyak diesel, minyak tanah dan LPG memanglah di bawah kawalan Kerajaan sejak tahun 1973. Sebelum satu-satu permohonan kenaikan harga diluluskan, kajian yang mendalam dan pertimbangan yang saksama akan dibuat meneliti segala aspek termasuklah kesan kenaikan harga kepada ekonomi negara dan rakyat. Saya berpendapat bahawa sistem kawalan harga yang dilaksanakan di negara kita adalah berkemampuan untuk mengawal harga barang-barang petroleum ke paras yang tidak menjelaskan ekonomi negara.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato Seri sebagaimana kita maklum bahawa stesyen minyak PETRONAS ini dibuka di antara pukul 7.00 pagi sehingga pukul 7.00 petang. Jadi, ini akan menyulitkan kepada mereka yang berjalan jauh, terutama ke Pantai Timur, ke Utara dan juga ke

Selatan. Apakah pihak Kementerian bercadang mengadakan perkhidmatan 24 jam, terutama di bandar Kuantan, Ipoh dan juga Kuala Lumpur supaya menyenangkan kepada mereka yang berjalan jauh yang menggunakan kereta diesel?

**Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dikaji oleh PETRONAS sepanjang masa dan apabila didapati perlu stesyen-stesyen minyak ini dibuka lebih lama daripada jangka masa yang telah ditetapkan, maka stesyen itu akan dibuka seberapa lama yang dikehendaki.

**Tuan P.Patto:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu apakah sebab-sebab stesyen minyak PETRONAS yang menjual petrol tidak dapat dibuka sekarang walaupun stesyen minyak PETRONAS yang menjual diesel boleh dibuka dan dijalankan sekarang? Sama ada sebab-sebabnya melibatkan kurang kakitangan untuk mengendali stesyen-stesyen itu yang menjual petrol ataupun lain-lain sebab.

**Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, stesyen PETRONAS yang ada sekarang telah dibuka dalam keadaan tergesa-gesa oleh kerana kekurangan minyak diesel pada satu ketika yang Ahli Yang Berhormat mungkin ingat dahulu. Untuk mengadakan stesyen secara permanent kita hendaklah tentukan tempat-tempat yang sesuai untuk mengadakan stesyen minyak-minyak itu. Juga untuk menjual petroleum seperti premium dan regular kita tidak boleh menyimpan minyak itu di dalam tangki-tangki yang terdedah seperti yang kita buat dengan tangki untuk minyak diesel. Dianya terpaksa ditanam di bawah tanah dan ini memerlukan banyak kerja-kerja yang mana cuma boleh dibuat setelah stesyen-stesyen minyak itu bukan lagi secara temporary ataupun sementara tetapi secara berkekalan.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan minyak ini adalah satu bahan yang harganya dikawal dan memandangkan keadaan dunia sekarang menghadapi satu keadaan di mana minyak mentah adalah berlebihan, adakah kemungkinan harga minyak dapat dikurangkan dalam negara kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini perkara lain.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat menerangkan bahawa Kerajaan sentiasa mengawal dan mengkaji dengan teliti sebarang kenaikan harga minyak. Soalan saya, selepas Parlimen bersidang bulan April maka harga minyak naik mendadak. Saya ingin tahu apakah dasar Kerajaan mengkaji harga ini sehingga naik minyak tadi dengan begitu mendadak?

**Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham bahawa kenaikan itu secara mendadak. Ini cuma mengikut kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia yang telah ditentukan oleh pihak OPEC yang mana kita juga membeli bekalan minyak kita daripada negara-negara yang termasuk di dalam organisasi OPEC ini termasuklah Arab Saudi.

#### TYT YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

3. **Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan tentang dasar pertimbangan (kriteria) yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan ketika melantik Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Apakah sebab-sebabnya salah seorang tempatan dari Negeri Pulau Pinang tidak dilantik memenuhi jawatan tersebut sejak kemerdekaan kita.

**Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Pulau Pinang adalah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut budi bicara Baginda selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri berkenaan seperti mana yang ditetapkan mengikut Fasal 1 Bahagian Pertama Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Mengikut Fasal 2(1) Perlembagaan Negeri itu orang-orang yang bakal dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri hendaklah seorang warganegara Malaysia dan ianya bukanlah seorang warganegara secara masukkan atau pendaftaran. Lain-lain kriteria dan pertimbangan mengenai lantikan itu adalah terpulang kepada budi bicara Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Pada lazimnya seseorang itu dipertimbangkan dari segi kesesuaian secara keseluruhan setimpal dengan taraf jawatan itu. Semasa menentukan seseorang yang sesuai untuk jawatan itu, pertimbangan adalah dibuat terhadap semua calun-calun yang layak termasuklah orang-orang tempatan di Pulau Pinang sendiri.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datangnya daripada Negeri Kedah maka di waktu itu dua Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang adalah daripada orang Kedah. Sebaliknya juga di waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datangnya daripada Johor maka dua Yang di-Pertua Negeri datang daripada Johor. Insya Allah, pada masa depan ini, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan datang daripada Negeri Kedah, maka Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang juga akan datang daripada Negeri Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal itu tidak boleh dipersoalkan. Di bawah 23(1)(c) tidak boleh.

#### POLIS HUTAN DI SEMPORNA DAN LAHAD DATU

4. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada penempatan Polis-polis Hutan yang sedang bertugas membasmi keganasan lanun-lanun di perairan pantai timur Sabah, khasnya di daerah Semporna dan Lahad Datu hanya untuk sementara waktu atau berterusan dan oleh kerana semenjak adanya kawalan itu kehidupan penduduk-penduduk dan nelayan-nelayan di sepanjang perairan tersebut telah kembali aman dan dapat mencari penghidupan mereka tanpa gangguan dari keganasan lanun lagi; adakah beliau akan meneruskan rancangan yang sangat diharapkan dan dibanggakan oleh rakyat di situ, dan adakah rancangan untuk membuat rumah tempat tinggal Polis Hutan di Kampung-kampung berkenaan untuk kebaikan mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penempatan Pasukan Polis Hutan dari Semenanjung yang bertugas membasmi keganasan lanun di perairan Pantai Timur Sabah khasnya di Daerah Semporna dan Lahat Datu adalah untuk sementara. Walau bagaimanapun, suka saya memberi jaminan bahawa penempatan itu akan diteruskan jika keadaan keselamatan di tempat itu masih memerlukannya. Setakat ini belum ada rancangan untuk membina bangunan-bangunan untuk satu pengkalan Pasukan Polis Hutan yang tetap di tempat itu. Namun demikian, perkara ini adalah sentiasa berada dalam kajian yang dibuat dari masa ke semasa.

#### ASEAN—TAMBAHAN KEANGGOTAAN

**5. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian beliau sama ada dengan kerjasama dengan anggota ASEAN ataupun secara berasingan untuk menambahkan lagi bilangan anggota ASEAN supaya badan tersebut meliputi semua negara-negara di dalam Tenggara Asia.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Deklarasi Bangkok tahun 1967 yang menuhuhan ASEAN, semua negara-negara di rantau Asia Tenggara boleh menyertai ASEAN dengan mematohi prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan seperti berikut:

- (i) untuk meningkatkan taraf pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan serantau melalui usaha-usaha bersama di dalam semangat bekerjasama bagi mengukuhkan asas satu masyarakat negara-negara Asia Tenggara yang aman dan makmor;
- (ii) untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau melalui cara menghormati prinsip keadilan dan prinsip kedaulatan undang-undang di dalam hubungannya dengan negara-negara serantau dan berpegang tegoh kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu;

- (iii) untuk saling bantu membantu mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, saintifik dan pentadbiran;
- (iv) untuk memberi bantuan kepada negara anggota di dalam bentuk latihan, kemudahan penyelidikan di dalam bidang pelajaran, professional, teknik dan pentadbiran;
- (v) untuk bekerjasama dengan lebih berkesan dengan tujuan meningkatkan hasil pertanian, industri-industri dan perkembangan perdagangan termasuk pengkajian masalah perdagangan barang antarabangsa, peningkatan kemudahan pengangkutan dan perhubungan bagi meninggikan taraf kehidupan rakyat negara-negara anggota;
- (vi) untuk memajukan pengkajian Asia Tenggara;
- (vii) untuk mengadakan kerjasama yang lebih rapat dan berfaedah dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau yang mempunyai hasrat dan tujuan-tujuan yang sama dan untuk mengkaji jalan-jalan yang lain bagi kerjasama yang lebih rapat di antara mereka.'

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan diadakan di Manila pada 17hb dan 18hb Jun, 1981, Papua New Guinea dan Brunei akan dijemput sebagai Pemerhati. Malaysia menyokong penoh taraf pemerhati yang diberikan kepada kedua-dua negara ini dan menyokong penoh sekiranya Brunei membuat permohonan menjadi ahli apabila ia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1983.

Bagi negara-negara lain di rantau Asia Tenggara ini terpulanglah kepada mereka membuat permohonan untuk menjadi ahli sekiranya mereka berhasrat membuat demikian, dan negara-negara ahli ASEAN akan memberi pertimbangan atau permohonan ini dengan sewajarnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sri Lanka melalui Perdana Menterinya baru-baru ini ada menyatakan

kesediaan keinginan Sri Lanka menyertai ASEAN, apakah pendirian Malaysia terhadap perkara ini?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Sri Lanka telahpun membuat permohonan dalam masa dua tiga hari yang lepas menunjukkan hasrat untuk menjadi ahli di dalam ASEAN. Keputusan telahpun diambil di Jakarta baru-baru ini bahawa permohonan daripada Sri Lanka itu akan dikaji oleh pihak Senior Officers' Meeting (SOM) yang mana dimaksudkan SOM ini akan melaporkan kajianya kepada Menteri-menteri Luar yang akan bersidang di Singapura pada tahun hadapan. Dan sukalah saya menyatakan seperti mana ASEAN ini pada masa sekarang ini ada sekatan geographical constraint di atas kedudukan Sri Lanka ini maka inilah sebabnya kajian yang penuh, kajian yang teliti perlu diambil oleh SOM supaya melaporkan kepada Menteri-menteri Luar ASEAN yang akan bersidang pada tahun hadapan di Singapura.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sekejap tadi menyatakan bahawa dalam persidangan ASEAN pada 17hb dan 18hb Jun ini Papua New Guinea dan Brunei akan dijemput ataupun akan hadir sebagai pemerhati dan barangkali Negeri Brunei akan diterima sebagai anggota ASEAN apabila Brunei mencapai taraf kemerdekaan sepenuhnya. Soalan saya yang pertama, apakah setakat hari ini pihak Papua New Guinea tidak menunjukkan minat untuk menjadi anggota ASEAN, dan kalau ya, apakah sikap Malaysia khasnya dan ASEAN seterusnya? Soalan saya yang kedua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah satu itu dahulu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, taraf pemerhati yang diberikan kepada Papua New Guinea kalau tak salah saya lebih kurang 3-4 tahun yang lepas dan kedudukan Papua New Guinea ini ialah boleh dikatakan sebelah kaki kiri masuk kawasan Pasifik dan sebelah kaki lagi masuk kawasan ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kaki mana yang kuat?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Nampaknya kedua-duanya kuat. Jadi dengan keadaan ini negara-negara ASEAN telah memberikan taraf pemerhati khas (special Observer Status) kepada Papua New Guinea. Buat masa sekarang ini saya belum lagi diberitahu oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap (Chairman of Standing Committee) Menteri Luar Filipina mengenai adanya permohonan daripada Papua New Guinea untuk memohon menjadi Ahli Jawatankuasa ASEAN.

**Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi dasar kepada ASEAN supaya menunggu permohonan daripada mana-mana negeri dalam Tenggara Asia ini ataupun ASEAN mempunyai inisiatif sendiri supaya mempelawa semua negeri-negeri yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu sudah dijawab tadi dalam jawapan Menteri. Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz.

**Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

#### HARGA SUSU PEKAT DAN SIMEN

**6. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab sebenar mengapa susu pekat dan simen sukar didapati di pasaran terbuka. Sama ada benar ketiadaan barang-barang keperluan ini adalah kerana perasan optimis pengilang-pengilang bahawa Kerajaan akan memenuhikehendak untuk menaikkan harga bahan-bahan ini selepas mereka mengenakan berbagai tekanan, sebagaimana dengan kes gula dan disel.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, hasil dari siasatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya, adalah didapati bahawa bekalan susu pekat dan simen di negara pada masa ini adalah setabil dan memuaskan di mana ianya boleh diperolehi dengan mudah di pasaran terbuka. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan boleh dikatakan tidak ada aduan

atau sungutan dari orang ramai berhubung dengan kesulitan untuk mendapatkan bekalan barang-barang ini.

Berhubung dengan kenaikan harga barang-barang keperluan seperti susu pekat, gula, simen dan lain-lain yang diluluskan oleh Kerajaan dari masa ke semasa, sukalah saya menegaskan di sini bahawa sebarang kenaikan bukanlah disebabkan oleh tekanan di kalangan pengeluar-pengeluar tempatan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya kelulusan sesuatu permohonan kenaikan harga hanya akan diberikan setelah kajian yang teliti dijalankan dan Kementerian ini berpuashati bahawa ianya benar-benar menasabah berdasarkan kepada beberapa fakta iaitu kenaikan kos pengeluaran, terutamanya kos bahan-bahan mentah, kos pengangkutan dan kos buruh.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata tentang keperluan kenaikan harga barang-barang keperluan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri, mengapakah pihak Kerajaan tidak mahu menurunkan harga khasnya harga gula, apabila terdapat harga gula di pasaran dunia telahpun turun, apakah sebabnya pihak Kerajaan masih berlengah-lengah untuk menurunkan harga gula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soal simen dan susu pekat, bukan gula.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana simen sekarang ini masih kekurangan, memang kita akui, apakah pihak Kementerian boleh memberi kebenaran sekiranya ada pihak pemborong untuk mendapat import permit bagi membawa simen daripada luar negeri ke dalam negara kita?

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang boleh dikatakan tidak ada kekurangan bekalan simen tetapi pada masa dua tiga bulan dahulu simen ada kekurangan dan Kementerian saya telahpun beri import permit simen dari luar negeri dan pada hari ini juga tidak ada apa-apa sekatan terhadap pengimportan simen itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebab musabab yang mengakibatkan berlakunya keadaan bekalan susu pekat dan simen tidak stabil sebelum pegawai penguasa campurtangan? Dan kedua, adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan bahawa undang-undang yang ada sekarang boleh dikaji semula supaya mana-mana kilang yang cuba mengadakan kekurangan bekalan mereka boleh dihadapkan ke mahkamah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama sudah ada dalam jawapan tadi, soalan yang kedua sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu menjawab.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang khasnya Undang-undang Kawalan Bekalan, Kementerian ada kuasa untuk mengarah sesiapa pengeluar untuk mengeluarkan atau menghantarkan bekalan bahan-bahan itu yang ditempatkan di mana-mana tempat yang menghadapi kekurangan dan ada juga kadangkala Kementerian menggunakan kuasa ini untuk mengarahkan dan siapa yang tidak mematuhi arahan itu ialah melanggar undang-undang.

## KONTRAKTOR BUMIPUTRA

7. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- jumlah bilangan kontraktor Bumiputra dan bukan Bumiputra yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya di Semenanjung Malaysia pada 31hb Disember, 1980;
- jumlah bilangan kontraktor Bumiputra dan bukan Bumiputra pada 31hb Disember, 1980 (mengikut kelas A, B, BX dan C); dan
- nilai barang-barang dan perkhidmatan yang dijual kepada Kerajaan oleh pembekal Bumiputra di bawah kontrak pusat dan sistem pembelian dalam tahun 1980.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (a) Jabatan Kerjaraya Negeri

mendaftar semua kontraktor-kontraktor kelas D, E, EX dan F. Jumlah kontraktor yang telah didaftar pada 31hb Disember, 1980 adalah seperti berikut:

KELAS D		
Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
315	692	1,007
KELAS E		
420	758	1,178
KELAS EX		
572	1,107	1,679
KELAS F		
5,294	—	5,294
<b>JUMLAH ..</b>	<b>6,601</b>	<b>2,557</b>
		<b>9,158</b>

Bagi soalan (b), Kementerian saya menjalankan pendaftaran kontraktor binaan bagi kelas A, B, BX dan C dan jumlah pendaftaran pada 31hb Disember, 1980 ialah:

KELAS A		
Bumiputra	Bukan Bumiputra	Jumlah
47	179	226
KELAS B		
49	148	197
KELAS BX		
83	235	318
KELAS C		
151	449	600
<b>JUMLAH ..</b>	<b>330</b>	<b>1,011</b>
		<b>1,341</b>

Bagi soalan (c), walaupun soalan ini menyentuh bidangkuasa tanggungjawab yang luar daripada Kementerian saya, saya telah menerima maklumat daripada Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab atas perkara ini bahawa dalam tahun 1980 nilai barang-barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pembekal bumiputra melalui kontrak pusat ialah berjumlah \$10,274,794.51¢ iaitu merupakan 60.7% daripada jumlah keseluruhan kontrak pusat yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Sistem pembelian yang diamalkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan ialah sekiranya nilai pembelian kurang daripada \$5,000 Jabatan akan membuat pembelian secara

terus daripada pembekal yang diketahui. Sekiranya nilai pembelian antara \$5,000 hingga \$25,000 pembelian itu dibuat secara sebut harga dengan membuat tawaran pada sekurang-kurangnya 5 syarikat pembekal manakala nilai yang melebihi \$25,000 dan lebih tender-tender terbuka adalah dipanggil.

Bagi kontrak pusat nilai pembelian selalunya melebihi \$25,000 kerana barang-barang dan perkhidmatan yang diuruskan melalui kontrak pusat adalah barang-barang samaguna iaitu yang digunakan secara keseluruhan oleh semua Jabatan Kerajaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan mengapa terlalu banyak bumiputra menjadi kontraktor kelas F dan apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kesukaran untuk kontraktor-kontraktor kelas F ini memohon dinaikkan taraf mereka kepada yang lebih tinggi dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk membimbing dan memberi galakan kepada kontraktor kelas ini supaya mereka akan dapat meningkatkan kelas mereka kepada yang lebih tinggi?

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa ramai kontraktor pembinaan bumiputra yang ada dalam kelas F dan inilah satu perhatian yang Kementerian saya menerusi Unit Penyertaan Bumiputra pada masa ini sedang mengkaji dan meneliti kontraktor-kontraktor itu masing-masing. Misalnya apabila satu kontraktor bumiputra itu diberi perhatian yang rapi dan kajian yang rapi akan dibuat oleh pegawai-pegawai daripada Unit Penyertaan Bumiputra yang terdiri dari 4 pusat di Semenanjung ini iaitu di Pulau Pinang bagi kawasan Utara, di Kuala Lumpur bagi kawasan Tengah, di Kuala Trengganu bagi kawasan Pantai Timur dan di Melaka bagi kawasan Selatan. Dan kalaularah pendapat Kementerian iaitu sesuatu pemborong bumiputra itu sudah bersedia untuk menaikkan taraf yang lebih tinggi dengan sendirinya Unit Penyertaan Bumiputra mengaturkan kenaikan tarafnya dalam pemborongan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada juga kontraktor bumiputra dalam golongan kelas F ini yang tidak berapa puas hati kalau dinaikkan ke

taraf yang lebih tinggi kerana dalam kelas F ini bidang kerja yang diberi kepada mereka merupakan kerja-kerja yang di bawah \$35,000 dan tidak ditender iaitu cuma dengan main undi sahaja. Jadi kalaulari mereka itu dinaikkan taraf, mereka itu belum lagi begitu faham tentang "open competition". Walau bagaimanapun, pada masa sekarang ini saya suka cipta mengumumkan bahawa menerusi kerjasama Persatuan Pemborong-pemborong Bumiputra dan juga Unit Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya kerjasama yang sangat rapat telahpun kami perolehi dan pemborong-pemborong bumiputra juga sekarang sedang berminat untuk mengambil bahagian dan meminta dinaikkan taraf. Tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Unit Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya juga bekerja rapat dengan Persatuan Pemborong Bumiputra bagi mencari penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong bumiputra.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan tentang jumlah bumiputra dalam kontraktor kategori 'F' sebanyak \$5,000 lebih dan tender-tender yang di bawah \$35,000. Adakah atau tidak satu cara yang dibuat oleh Kementerian supaya jumlah mereka yang \$5,000 itu tidak mengambil bahagian dari \$35,000 sampai \$1,000? Kalau kita hendak naikkan taraf mereka, bolehkah atau tidak kita buat umpannya satu kategori lain \$5,000 ke bawah dan \$5,000 sampai \$35,000 supaya kalau kita hendak berhujah mengatakan mereka baru mencuba lebih baik kita beri mereka \$5,000 ke bawah, lepas itu mereka tidak akan turun ke \$5,000 kerana mereka hendak naik kepada \$35,000.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun diselidiki dan itulah sebabnya baru-baru ini kita telah membuat satu kelas lagi iaitu Kelas BX untuk memberi peluang kepada mereka yang dalam kelas 'F' mengambil kenaikan sedikit daripada kelas itu, daripada terus pergi ke kelas 'C' tetapi apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun diselidiki oleh Kementerian dan sedang juga diselidiki, kalaulari ini masih menjadi masalah, ini akan disesuaikan.

## MAKANAN YANG DIJUAL DI KEDAI-KEDAI

**8. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa ada bahan-bahan makanan yang dijual di kedai-kedai di negara kita sekarang ini ada mengandungi campuran bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan. Jika sedar adakah Kerajaan akan mengadakan undang-undang yang lebih ketat dan diberi kawalan yang lebih berkesan lagi supaya bahan-bahan bahaya ini dapat dibentarkan.

**Setiausaha Parliment Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa adanya unsur-unsur yang boleh membahayakan kesihatan di dalam bahan-bahan makanan yang dijual di kedai-kedai di negara kita. Sejak beberapa tahun yang lalu Kementerian saya telah membuat pengawasan yang teliti ke atas makanan-makanan yang dijual di kedai-kedai runcit di seluruh negara. Sepanjang tahun 1980, Kementerian telah mengambil 16,344 contoh makanan untuk diperiksa dan dianalisa. Dari jumlah tersebut 1,618 tidak mematuhi arahan-arahan dan kehendak-kehendak dalam undang-undang Penjualan Makanan dan Dadah 1952. Di antara kesalahan-kesalahan itu ialah mengenai label-label, had ubat awit, bahan-bahan pewarna yang ditegah serta terdapat tin-tin makanan yang berkarat dan kemek. Selain dari itu terdapat juga kandungan bakteria dan bahan-bahan asing yang terdapat dalam makanan yang telah diperiksa.

Dalam tahun tersebut, 652 kes telah didakwa di Mahkamah dan didapati bersalah dan bagi kes-kes yang lain amaran telah diberi sewajarnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengemukakan satu undang-undang yang khas untuk menentukan tempoh hidup (shelf life) bahan-bahan makanan itu sebagai satu cara yang efektif untuk mengatasi masalah yang datang daripada bahan-bahan makanan yang boleh mengancam kesihatan

dan jika ya, bilakah Kementerian yang berkenaan dapat mengemukakan rang undang-undang itu?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Ordinan Dadah dan Makanan, tahun 1952 dengan peraturan-peraturannya adalah tidak mencukupi untuk keadaan sekarang. Jadi kita telah membuat draf undang-undang yang baru yang disebut Akta Makanan dengan peraturan-peraturannya.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telah menyatakan beliau sedar bahawa ada bahan-bahan makanan yang dijual di kedai-kedai dalam negara kita sekarang ini mengandungi campuran bahan-bahan yang membahayakan. Ini ada satu benda iaitu asam-asam jeruk yang begitu banyak dijual di kedai-kedai dan digemari oleh kanak-kanak dan para ibu yang mengandung yang mengidam; adakah setelah satu siasatan dilakukan baru boleh dijual barang-barang ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soal khas barangkali berkehendakkan notis. Adakah sudah sedia jawapannya?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan beberapa nama di antara bahan-bahan makanan yang terkenal yang telah didapati mengandungi bahan-bahan yang membahayakan kesihatan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal itu sepatutnya daripada Yang Berhormat memberi nama itu supaya senang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menentukan. Soal ini terbalik!

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Di antara bahan-bahan makanan yang mengandungi ubat-ubat itu ialah ayam yang mana penjual ayam selalu inject atau cucuk tentang kepala supaya dia lekas gemuk dengan sesuka hati dan dengan

tidak ada nasihat daripada Veterinary. Jadi adakah hormon yang diinject itu merbahaya kepada kesihatan? Itu soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bolehlah dijawab.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Sila ulang semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ulang semula.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Di antara bahan makanan yang diberi ubat ialah ayam yang mana penjual ayam mencucuk kepala ayam tadi dengan hormon supaya lekas gemuk dan timbangannya berat. Jadi adakah hormon yang dicucuk itu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dicucuk dekat mana, dekat kepalaakah? (*Ketawa*)

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Dekat kepala.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepala ayam? (*Ketawa*)

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Ya, kepala ayam. Jadi adakah hormon yang dicucuk di kepala ayam atau di leher ayam itu boleh membahayakan kesihatan manusia?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Berkennaan ubat itu Kementerian boleh menyiasat.

#### TUNJUK PERASAAN PENUNTUT DI KELANTAN

**9. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dalam peristiwa tunjuk perasaan kira-kira 4,000 orang penuntut di Kelantan baru-baru ini, daripada penyiasatan yang dibuat apakah motif di sebalik demonstrasi itu dan siapakah dalang yang telah memainkan peranan dan bukankah tindakan yang tidak sihat ini termasuk di bawah takrif antinasional yang boleh menimbulkan kekacauan. Jika ya apakah tindakan yang telah diambil atau amaran yang telah diberi supaya ianya tidak berulang lagi.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, tunjuk perasaan yang berlaku di Sekolah Menengah Ugama Ma'ad Muhammadi, Kota Bahru pada 27hb April

sehingga 30hb April, 1981 dan telah dilancarkan oleh kira-kira 1,000 orang pelajar dan bukannya 4,000 orang sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat adalah disebabkan oleh rasa tidak puas hati di kalangan pelajar-pelajar itu berhubung dengan pertukaran 2 orang guru mereka. Dari siasatan yang dibuat tindakan pelajar-pelajar tersebut adalah semata-mata dengan usaha mereka sendiri kerana mereka menganggap tindakan yang telah diambil menukarkan kedua-dua orang guru mereka itu merupakan satu penganiayaan oleh pihak pentadbiran sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat sebarang hasutan dari luar di dalam tunjuk perasaan tersebut. Oleh kerana tunjuk perasaan itu tidak melibatkan hasutan dari luar dan ianya merupakan salah faham antara pelajar-pelajar dengan pihak pentadbiran sekolah itu maka peristiwa seperti ini tidaklah boleh dimasuk di dalam takrif anti-nasional.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setelah berlakunya tunjuk perasaan oleh kira-kira 1,000 orang penuntut-penuntut di sekolah berkenaan dan setelah perkara ini cuba diselesaikan oleh pihak-pihak berkenaan, apakah tindakan yang telah diambil terhadap penuntut-penuntut, bukannya orang luar; yang terlibat menghasut penuntut-penuntut yang lain sehinggakan berlakunya pemogokan sepertimana yang tersebut itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal ini termasuk dalam soal asal itu. Jadi tadi kita tidak dengar ada dapat jawapan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Dari jumlah 2,150 orang murid yang diminta mendaftar semula, 16 orang daripada mereka telah tidak mendaftarkan diri lantas tidak lagi belajar di sekolah tersebut. Bagi mereka yang lain yang menunjuk perasaan kerana kekeliruan, pihak Kementerian bersimpati dengan kekeliruan tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah berlawanan dengan kenyataan yang

dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar Negeri Kelantan yang menyatakan tunjuk perasaan ini adalah mempunyai hasutan daripada anasir-anasir luar yang tidak bertanggungjawab dan apabila kita lihat daripada kejadian kejadian itu didapati bantuan datang mencurah-curah daripada luar dan menyokong tindakan yang dijalankan itu. Jadi apakah kenyataan itu merupakan satu yang tidak boleh dianggap anti-nasional tetapi merupakan ada penggalak yang menyebabkan perkara itu berlaku?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Pihak Kementerian tidak menafikan bahawa apabila berlakunya perkara-perkara begini sudah tentu ada pihak yang mengambil kesempatan.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sama ada benar atau tidak demonstrasi ini berpunca daripada pertukaran dua orang guru kelulusan universiti yang ditukar atau diganti dengan dua orang guru yang kelulusan hanya Tingkatan Lima dan itulah menyebabkan demonstrasi pada hari itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan hal dua orang guru itulah katanya sebabnya.

**Tuan P. Patto:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu yang berijazah ditukar dengan yang Tingkatan Lima, benar atau tidak.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Sebenarnya di sekolah ini jumlah guru yang berijazah tidak kekurangan kerana guru-guru yang berijazah berjumlah 24 orang semuanya. Soal guru berpindah adalah hak sekolah dan soal siapa yang mengganti tempat guru itu tidak menyebabkan sekolah ini taraf pelajarannya menjadi turun.

## PENDATANG HARAM

**10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat di antara pendatang-pendatang haram/pelarian yang datang ke negara ini yang menjadi ejen, spy atau anasir-anasir yang akan membuat

kacau bilau di negara kita dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat kemasukan mereka.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak ada.

### AKHBAR TEMPATAN

**11. Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini akan bertindak terhadap setengah-setengah akhbar tempatan yang memutar belitkan berita dari kedudukan yang sebenar dan boleh mencetuskan keadaan yang kurang sihat di kalangan pembaca-pembacanya malah meragukan orang ramai terhadap keutuhan Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya dan adakah Kementerian ini sedar bahawa kebebasan menyatakan pendapat-pendapat melalui tulisan-tulisan telah disalahgunakan oleh setengah-setengah penerbit di negara ini. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa mengikuti berita-berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan dan jika didapati ada berita-berita atau tulisan-tulisan yang bercanggah dengan undang-undang serta boleh memudaratkan keselamatan negara, Kementerian ini tidak ragu-ragu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penerbit akhbar. Pihak akhbar adalah diingatkan juga bahawa Kementerian ini tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana penerbit yang menyalahgunakan kebebasan yang diberikan, jika didapati ada tulisan-tulisan yang boleh mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara.

### BABI DI KAWASAN SEBERANG PERAI—PENTERNAK

**12. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar tentang penderitaan dan keadaan rumit yang dihadapi oleh penternak-penternak babi di kawasan Seberang Perai kerana kekurangan

pasaran dan larangan untuk mengangkut binatang-binatang babi ke lain-lain negeri; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk membantu golongan penternak-penternak babi di Seberang Perai.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Suhaimi bin Dato Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedar tentang kerumitan yang dihadapi oleh penternak-penternak babi di Seberang Perai. Kerumitan ini adalah disebabkan oleh produksi yang berlebihan tetapi pasaran yang terhad akibat daripada kejadian penyakit kuku dan mulut dan harga makanan yang meningkat. Tindakan-tindakan berikut telah diambil untuk mengatasi masalah ini:

- (1) Sungguhpun sehingga April, 1981 pengangkutan dan pasaran telah dibenarkan kepada beberapa buah rumah sembelihan yang tertentu di Alor Setar, Sungai Petani, Taiping dan Pulau Pinang. Pasaran ini telah diperluaskan lagi ke rumah sembelihan di Kuala Lumpur, Teluk Anson dan Kuantan dan baru-baru ini ke Ipoh dengan syarat-syarat yang tertentu;
- (2) Bagi menentukan suasana penyakit ini terkawal di Seberang Perai, Kerajaan juga telah memberikan perkhidmatan suntikan percuma kepada semua penternakan babi;
- (3) Selain daripada mengadakan pasaran dalam negeri, Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk memperluaskan lagi pasaran ke luar negeri terutama ke Hong Kong;
- (4) Bagi mengurangkan bebanan kenaikan harga makanan ternakan Kerajaan mulai 5hb Mac, 1981 telah mengurangkan cukai import 'soya meal' dari 15% ke 8% termasuk surtax.

### KES-KES YANG DIBICARAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA

**13. Tuan Awang bin Jabar** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kes-kes yang dibincangkan dalam Bahasa Malaysia hingga

setakat ini. Dan bilakah perbicaraan di Mahkamah akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia secara keseluruhannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes yang dibicarakan dalam Bahasa Malaysia hingga setakat ini adalah lebih kurang 2,500 sejak lima tahun kebelakangan. Kebanyakan kes-kes yang dibicarakan dalam Bahasa Malaysia itu adalah di Mahkamah-mahkamah Majistret.

Soal bilakah perbicaraan di Mahkamah-mahkamah akan dijalankan dalam Bahasa Malaysia secara keseluruhan dan 100%, ini tidaklah dapat dipastikan sekarang, kerana penggunaannya tertakluk kepada wujudnya buku-buku undang-undang dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan mereka yang berkenaan bagi menjalankan tugas harian mereka dan untuk rujukan supaya mereka benar-benar berpuas hati mentadbirkan keadilan. Pihak berkuasa sedang berusaha untuk memperterjemahkan seberapa banyak buku undang-undang ke Bahasa Malaysia.

Patut juga saya menambah bahawa dalam masa tidak berapa lama lagi satu arahan akan dikeluarkan supaya kes-kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen dijalankan pembicaraannya dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya pihak berkenaan dan saksi-saksi tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan fasih, maka cakapan ibundanya akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia supaya rekod-rekod mahkamah dapat ditulis dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada buku undang-undang dalam bahasa Inggeris, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan Pegawai-pejawai Penterjemah atau Hakim-hakim di Mahkamah Rendah Majistret itu kurang benar menggunakan Bahasa Malaysia atau kurang mahir.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam pentadbiran harian Pegawai-pejawai Mahkamah dan Hakim-hakim adalah menggunakan Bahasa Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai arahan yang akan dikeluarkan kepada Magistrate Court bahawa perbicaraan dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan mereka yang berkenaan kalau tidak fasih dalam Bahasa Malaysia, baikpun saksi, termasuk kalau saya tidak silap Peguam-peguam akan mengadakan terjemahan dalam Bahasa Malaysia. Adakah ini bererti bahawa hujah-hujah mereka, submissions peguam-peguam yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia akan diterjemahkan di dalam Bahasa Malaysia?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai submissions ataupun hujah-hujah, dengan kebenaran Mahkamah bolehlah digunakan kedua-dua dalam Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris, tidak payah diterjemah. Fasal dalam submissions ataupun hujah-hujah masih banyak buku-buku kes dalam bahasa Inggeris terpaksa digunakan lagi.

#### GURU-GURU PELATIH

**14. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru yang diterima masuk ke dalam berbagai-bagai kolej latihan guru-guru baru-baru ini dengan memberikan angka-angka menurut perpecahan kaum bagi pengambilan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi bilangan guru-guru pelatih yang dipilih untuk mengikuti kursus perguruan pada tahun ini mengikut pecahan kaum oleh kerana proses pengagihan dan penempatan pelatih-pelatih ke Maktab-maktab Perguruan di Semenanjung masih lagi berjalan. Walau bagaimanapun, perangkaan pengambilan untuk tahun 1981 bagi Maktab-maktab Perguruan di Sabah dan Sarawak yang memulakan kursus tahun pertama dalam bulan Februari tahun ini menurut pecahan kaum adalah seperti berikut:

Bumiputra	...	...	...	825
Cina	...	...	...	120
India	...	...	...	8
Lain-lain	...	...	...	6
<b>JUMLAH</b>				<b>959</b>

## **PELARIAN MUSLIM THAI/BURMA/KAMPUCHEA DI MALAYSIA**

**15.** **Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada orang-orang pelarian Muslim Thai, Burma dan Kampuchea ada di tanahair kita, jika ada, berapa ramaikah mereka itu dan apakah pendirian Kerajaan terhadap mereka-mereka ini memandangkan dasar Kerajaan untuk menghantar semua orang pelarian Vietnam yang mendarat di Malaysia ke negara ketiga.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat orang-orang pelarian Thai Islam, Burma dan Kampuchea di dalam negara ini. Sehingga 31hb Mei, 1981 terdapat 1,259 orang pelarian Thai Islam, 95 orang pelarian Burma Islam dan 1,828 orang pelarian Kampuchea yang ada di dalam negara ini.

Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap orang-orang pelarian ini ialah untuk memberi perlindungan sementara terhadap mereka atas sebab-sebab peri kemanusiaan sehingga keadaan kampung halaman mereka di negara masing-masing pulih seperti sedia kala. Setakat ini tidak ada permohonan daripada orang-orang pelarian ini untuk pergi ke mananya negara ketiga. Kerajaan Malaysia sentiasa memberi bantuan sekiranya keadaan demikian diperlukan.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada di antara lebih 3,000 orang-orang pelarian Muslim Thai, Burma dan Kampuchea yang meminta untuk bermastautin tetap di negara ini?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan makna atau scope "perlindungan sementara"? Adakah perlindungan sementara ini serupa perlindungan sementara yang ada diberi kepada pelarian-pelarian daripada Filipina Selatan dalam Sabah di mana nampaknya perlindungan sementara boleh wujud untuk beberapa tahun?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Perlindungan sementara ini bergantung kepada faktor adanya hasrat daripada orang yang datang ke tempat kita untuk balik ke tempat masing-masing apabila sahaja keadaan mengizinkan dan hubungan baik antara negara-negara yang berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi kedudukan atau pendirian Kerajaan mengenai mereka yang tidak ingin balik kepada tempat asal, tak kira apa-apa perkembangan yang berlaku?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Belum ada di antara mereka yang tidak ingin balik ke tempat mereka kecuali pendatang haram Vietnam.

## **HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—PEMBANGUNAN**

**16.** **Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang pembangunan dan perkembangan bagi Hospital Besar Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan juga jumlahnya diperuntukkan bagi tujuan-tujuan ini.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Hospital Besar Pulau Pinang akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Projek-projek yang terlibat ialah:-

Membaiki Hospital Bersalin.

Membangunkan Blok 3 tingkat dan Dobi, Hospital Bersalin.

Mengadakan Jabatan Jurutera.

Menyediakan sebuah Stor Perubatan Hospital.

Membina 12 Unit Kuaters Kelas 'D' dan 'E'; dan

Membina 16 Unit Kuaters Kelas 'F'. Memperbaiki 3 blok Kuaters Atendan.

Selain dari itu, beberapa projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan diteruskan iaitu:

Pembinaan Blok Perkhidmatan Pusat (Central Service Block).

3 Blok Wad kayu sementara untuk menempatkan kira-kira 90 buah katil.

Mengadakan sambungan kepada Pegawai Bedah.

Membina rumah-rumah pangsa bagi Atandan-atandan Hospital.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$7,550,040 bagi membiayai projek-projek dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat bagi Hospital ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup!

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 42 adalah diberi di bawah ini*)

#### **AMANAH SAHAM NASIONAL— SAMBUTAN**

**17. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Amanah Saham Nasional telah mencapai hasrat Kerajaan dalam pelaksanaannya setakat ini dan juga telah mendapat sokongan yang menggalakkan dari kaum bumiputra dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan nanti.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Saya suka memaklumkan iaitu, sambutan bumiputra terhadap Skim ASN sehingga hari ini adalah sangat menggalakkan dan saya pasti usaha Kerajaan menyebarkan maklumat mengenai Skim ini melalui kempen-kempen publisiti dan pemasaran baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat negeri atau daerah telah mendatangkan hasil sepertimana yang diharap-harapkan. Sebagaimana yang telah dinyatakan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 8-6-81, daripada 3.8 juta bumiputra yang layak melabur, 14.5% telahpun menyertai Skim ini sejak tarikh pelancarannya pada 20hb April, 1981.

Sambutan yang sangat baik dan menggalakkan ini menunjukkan bahawa bumiputra adalah berkemampuan, berupaya dan bersedia untuk menyahut seruan Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan penyertaan mereka di dalam aktiviti sektor syarikat negara seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya sokongan

dan sambutan yang baik dan menggalakkan ini berterusan, saya tidak ragu-ragu menyatakan bahawa hasrat dan harapan Kerajaan di dalam melaksanakan Skim ASN ini akan dapat dicapai.

#### **BARISAN BERSATU DI KAMPUCHEA**

**18. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian kerajaan atas pembentukan barisan popular di Kampuchea untuk mengusir keluar tentera Vietnam dan sama ada sokongan akan diberi kepada barisan tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Saya anggap bahawa Barisan Popular yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah Barisan Bersatu (United Front).

Mengenai "Barisan Bersatu" penubuhannya adalah urusan dalam negeri dan hak rakyat Kampuchea. Malaysia dan ASEAN berpegang tegoh kepada Resolusi BBB 35/6 yang antara lain, menggesa supaya rakyat Kampuchea diberikan hak untuk menentukan masa depan dan Kerajaan yang mereka suka, tanpa campurtangan dan pengaruh dari kuasa-kuasa luar.

Penubuhan Barisan Bersatu adalah urusan dalam negeri dan jika ini adalah hasrat majority rakyat Kampuchea, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain mengalu-alukan usaha-usaha rakyat Kampuchea ini, demi mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan rakyat Kampuchea.

#### **PEMBAHAGIAN PESAKA-PESAKA KECIL**

**19. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan memandang kepada hakikat harga rumah telah melambung naik, sama ada had sebanyak \$50,000 yang dikenakan dalam pembahagian pesaka-pesaka kecil (small estate distribution) akan ditambah kepada \$500,000 untuk mengelakkan ketidakselesaan dan kesusahan orangramai terutama sekali orang-orang miskin.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Kerajaan memang telah bercadang untuk meminda had jumlah

\$50,000 kepada kadar yang lebih tinggi dan perkara ini sedang dalam kajian selanjutnya oleh Kementerian yang berkenaan.

#### **AMAH SAHAM NASIONAL—FATWA MUFTI**

**20. Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap yang diambil oleh Mufti-mufti di negara ini berhubung dengan pelaburan Amanah Saham Nasional; adakah benar mereka itu telah mengeluarkan fatwa dalam hal itu dan jika ya, apakah bunyi fatwa tersebut dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya; dan benarkah Kerajaan telah memberi jaminan tidak akan melaburkan dalam syarikat-syarikat yang bercanggah dari segi Islam.

**Perdana Menteri:** Mufti-mufti di negara ini adalah menyokong Skim Amanah Saham Nasional dan berpendapat Skim Amanah Saham Nasional ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, tidak ada fatwa-fatwa rasmi dikemukakan berkenaan perkara ini, oleh kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, proses mengeluarkan fatwa rasmi akan memakan masa yang panjang.

#### **BIRO SIASATAN NEGARA—PANDANGAN TIME MAGAZINE**

**21. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Biro Siasatan Negara (BSN) tidak berjalan dengan baik sebagaimana yang sepatutnya dan ianya telah gagal untuk mengurangkan kejadian rasuah di dalam negara ini yang mana telah disifatkan oleh *Time Magazine* sebagai salah sebuah negara yang paling banyak rasuah di dunia. Sekiranya sedar, apakah langkah yang dicadangkan untuk diambil.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Untuk menjawab soalan ini, saya suka menyatakan BSN telah menjalankan tugasnya dengan baik mengikuti peruntukan Undang-undang yang ada. Boleh dikatakan semua kes-kes yang telah dikemukakan kepada BSN telah mendapat kejayaan yang

penuh dan orang-orang yang terlibat telahpun dihukum dengan sewajarnya. Begitu juga dari segi pencegahan BSN telah berjaya mengawal penyakit rasuah ini dari berleluasa sepertimana yang berlaku di setengah-setengah negara lain. Dari semenjak BSN ditubuhkan pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat supaya Biro ini bergerak dengan lebih berkesan lagi dengan menambah keanggotaan dan kelengkapan. Pihak Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian BSN setakat ini dan sedang berikhtiar supaya Biro ini akan menjadi sebuah Badan yang benar-benar berkesan dalam membasmikan rasuah di negara ini.

Semenjak Biro ini ditubuhkan Kerajaan adalah berpuas hati bahawa kejadian rasuah dalam negara telah dapat dikawal ketat yang dijangka setimpal dengan kemampuan BSN sekarang.

Oleh itu apa yang dikatakan dalam *Time Magazine* sangatlah tidak benar yang mana tujuannya mungkin untuk memburukkan imej negara dan Kerajaan yang memerintah. Siaran seumpama ini pernah dibuat oleh akhbar-akhbar atau majallah-majallah asing di luar negeri di masa-masa yang lepas dan didapati berita itu tidak tepat dan tidak berasas sama sekali.

#### **MAS—TAMBANG KAPALTERBANG**

**22. Puan Yong Fatimah binti Mohd Razali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada MAS bercadang menurunkan tambang kapalterbang jika mendapat keuntungan yang lumayan.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Kenaikan kos yang melambong tinggi terutama harga minyak telah merumitkan MAS menguruskan perkhidmatannya. MAS tidak mampu untuk menurunkan tambang dan oleh itu ia tidak ada rancangan berbuat demikian.

#### **BANTUAN SUBSIDI KERAJAAN KEPADA RAKYAT**

**23. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa hampir semua bentuk bantuan

subsidi Kerajaan kepada rakyat telah menimbulkan reaksi yang hebat secara terbuka dan dengan demikian banyak merugikan politik kerajaan sendiri kerana cara pelaksanaan yang tidak memuaskan dan bertentangan dengan seruan kebajikan bersama dan keadilan yang dilaung-laungkan. Jika demikian adakah Kerajaan sudah mengkaji semula agar langkah subsidi Kerajaan lebih merupakan perkhidmatan bersih dari sebuah kerajaan yang betul-betul mengamalkan demokrasi.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Pada pendapat Kerajaan semua bentuk bantuan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat telah mendapat sambutan dan penghargaan yang baik dari rakyat. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi bantuan dan sokongan kepada rakyat terutama mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah seperti pekebun-pekebun kecil, petani-petani, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga kecil, pekerja-pekerja ladang dan sebagainya.

Oleh itu Kerajaan berpuashati bahawa langkah subsidi kerajaan itu telah membuktikan kejayaannya dan kerajaan tidak bercadang hendak mengkaji semula langkah tersebut pada masa ini.

Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah dari segi subsidi itu ditadbir atau dilaksanakan. Pembahagian subsidi memanglah merupakan satu proses yang kompleks kerana ianya melibatkan berbagai-bagi cara dan implikasi-implikasi yang banyak. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha untuk mempastikan setiap subsidi itu sampai kepada rakyat dan memberikan munafaat yang maksima pada mereka yang memerlukannya.

#### PENGELUARAN HAKMILIK STRATA

**24. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- berapakah jumlah permohonan setakat ini yang telah diterima untuk pengeluaran hakmilik strata atau

pecahan petak bangunan yang dibuat oleh pemaju-pemaju dalam Wilayah Persekutuan, dan

- berikut dengan kelulusan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1981 yang memperuntukkan supaya diwajibkan permohonan hakmilik strata oleh tuanpunya-tuanpunya bangunan berbilang tingkat, apakah langkah yang telah diambil oleh Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan untuk menampung bilangan permohonan yang dijangka bertambah daripada pemaju-pemaju bangunan berbilang tingkat.

#### Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad):

- Setakat ini jumlah permohonan yang telah diterima untuk pengeluaran hakmilik strata atau pecahan petak bangunan yang dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan dalam Wilayah Persekutuan ialah berjumlah 7 buah, manakala jumlah yang telah diluluskan untuk pengeluaran hakmilik strata ialah dua buah.
- Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan sekarang ini sudahpun mempunyai kakitangan yang cukup bagi menampung tambahan permohonan hakmilik strata berikut dengan Kelulusan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1981. Buat masa ini jumlah permohonan yang diterima oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan untuk pengeluaran hakmilik strata tidaklah begitu banyak, dan sekiranya jumlah tambahan permohonan itu terlalu besar, maka Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menampung pertambahan permohonan tersebut.

#### KUMPULAN PENDAKWAH SONGSANG

**25. Tuan Umar bin Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar dakwaan yang mengatakan bahawa gerakan yang dijalankan oleh Kumpulan pendakwah Songsang di negara ini, usulasalnya adalah dibawa oleh mubaligh-mubaligh India yang

telah diberi kursus khas yang berpunca dari Gerakan Yahudi Sedunia bertujuan untuk melemahkan Umat Islam; jika benar, apakah yang telah diambil untuk mencegahnya daripada merebak.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Sepanjang yang diketahui adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa "Kumpulan Pendakwah Songsang" di negara ini adalah berasal dari India yang telah diberi kursus khas oleh Gerakan Yahudi Sedunia bertujuan untuk melemahkan umat Islam.

Pendakwah-pendakwah yang didatangi dari luar yang terdapat di negara ini yang bertujuan untuk berdakwah adalah sentiasa diawasi dengan rapi oleh Kerajaan.

Tindakan Undang-undang yang sewajarnya akan diambil mengikut Undang-undang jika tindak-tanduk pendakwah-pendakwah berkenaan bertentangan dengan Undang-undang dan menjelaskan ketenteraman dan keselamatan negara ini.

#### **KERJASAMA TENTERA MALAYSIA/THAILAND**

**26. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah tercapai di atas kerjasama Tentera Malaysia dengan Tentera Thailand yang bertugas di sempadan Malaysia/Thailand.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Malaysia dan Thailand bekerjasama di sempadan melalui Perjanjian Am Sempadan atau "General Border Agreement" yang ditandatangan oleh kedua belah pihak pada tahun 1977.

Di bidang keselamatan, pada keseluruhannya pasukan keselamatan kita bersama dengan pasukan keselamatan Thai telah berjaya membendung ancaman komunis di daerah Sempadan kedua negara. Dengan tindakan bersama oleh kedua pasukan keselamatan itu, pihak musuh telah berkucarkacir. Ini ternyata sekali apabila 26 orang pengganas komunis menyerah diri dekat sempadan Malaysia dan Thailand dalam jangkamasa Mac 1980 hingga April, 1981.

Melalui Perjanjian Am Sempadan itu juga, Tentera Darat, Laut dan Udara serta Polis Diraja Malaysia mengadakan latihan bersama dengan pasukan keselamatan Thai bagi mempereratkan lagi hubungan dan kerjasama diantara pasukan keselamatan kedua buah negara.

#### **PELARIAN THAI ISLAM DI KAWASAN GRIK**

**27. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pelarian Thai yang ada di dalam kemah-kemah dalam kawasan Parlimen Grik. Apakah dasar Kerajaan Malaysia mengenai pelarian-pelarian ini semasa mereka berada di Malaysia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sehingga 31hb Mei 1981 terdapat seramai 484 orang pelarian Thai Islam di Kem Taman Murni, Kroh dan 100 orang lagi di Kem Padang Kunyit, Grik. Dasar Kerajaan Malaysia terhadap orang-orang pelarian Thai Islam ini adalah untuk memberi perlindungan sementara atas sebab-sebab peri kemanusiaan sehingga keadaan di kampung halaman mereka pulih seperti sediakala.

#### **SISTEM PELAJARAN DAN PENDIDIKAN**

**28. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa sistem pelajaran dan pendidikan yang sedang digunakan sekarang ini hanya mampu melahirkan dua golongan rakyat iaitu yang berjaya dan yang gagal; dan adakah benar bahawa peranan yang dimainkan guru-guru sekarang dianggap sebagai 'stereotype' sahaja. Jika ia mengapa.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Adalah tidak benar sama sekali jika dikatakan bahawa sistem pelajaran dan pendidikan yang sedang digunakan sekarang hanya mampu melahirkan dua golongan rakyat iaitu yang berjaya dan yang gagal. Pandangan ini berlaku kerana ada yang hanya menilaikan hasil pelajaran itu semata-mata dari segi keputusan peperiksaan, sama ada gagal atau lulus. Memanglah dalam sesuatu peperiksaan

ada golongan murid yang berjaya dan ada golongan murid yang tidak berjaya kerana mutu pencapaian mereka tidak sampai ke tahap prestasi yang dikehendaki. Sistem Pelajaran tidaklah wajarnya dinilaikan semata-mata dengan keputusan peperiksaan semata-mata kerana jika berbuat demikian apa sistem sekalipun hanya melahirkan dua golongan rakyat iaitu yang berjaya dan yang gagal di dalam peperiksaan.

Ahli Yang Berhormat tentu juga sedar bahawa kegagalan malahan juga kejayaan seseorang pelajar di dalam peperiksaan belum tentu dapat menentukan kejayaan ataupun kegagalan seseorang di dalam kehidupan. Ada mereka yang berjaya di dalam persekolahan tetapi tidak begitu berjaya di dalam kehidupan. Disebaliknya pula ada yang gagal di dalam persekolahan tetapi berjaya pula di dalam kehidupan. Pendek kata pengukur yang muktamad adalah banyak kerana terdapat faktor-faktor lain lagi yang turut memainkan peranan yang tertentu dalam atau membentuk kejayaan atau kegagalan seseorang dalam kehidupan. Pelajaran memang memainkan peranan yang penting tetapi hanya merupakan satu daripada beberapa faktor yang turut memainkan pengaruhnya.

Anggapan bahawa peranan yang dimainkan oleh guru-guru sebagai 'stereotype' juga tidak benar sama sekali. Seperti Yang Berhormat sendiri tahu tiap-tiap seorang murid itu berbeza, dari segi kecerdasan dan sikap. Untuk memenuhi perbezaan itu seberapa banyak kaedah dan teknik mengajar di dalam bilik darjah diusahakan oleh guru-guru. Oleh itu anggapan guru-guru itu sebagai 'stereotype' adalah tidak benar dan tidak adil memandangkan kepada tugas-tugas mereka yang begitu komplek itu.

#### **PEKERJA-PEKERJA KILANG ELEKTRONIK—ANGKA-ANGKA**

**29.** Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah pekerja-pekerja letronik yang ada di negara, dengan memberikan angka-angka berasingan mengikut negeri dan nyatakan mengapa mereka tidak dibenarkan menyertai Kesatuan Sekerja untuk melindungi

kepentingan-kepentingan mereka untuk mendapatkan gaji dan keadaan kerja yang lebih baik.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun):** Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada bulan Jun 1980, kedudukan bilangan pekerja-pekerja kilang elektronik mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Pekerja
Kedah .. .. ..	1,738
Pulau Pinang .. ..	22,100
Seberang Prai	
Perak .. .. ..	1,154
Selangor .. .. ..	25,212
Negeri Sembilan ..	3,001
Melaka .. .. ..	7,683
Johor .. .. ..	6,092
Pahang .. .. ..	1,217
Kelantan .. .. ..	226
	<hr/>
	68,423

Kementerian saya sekarang sedang mengkaji gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja di syarikat-syarikat elektronik dari semasa ke semasa. Lawatan-lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat ke beberapa buah kilang elektronik, baru-baru ini adalah bertujuan untuk mengkaji serta memperbaiki lagi syarat-syarat pekerja-pekerja tersebut. Pekerja-pekerja kilang elektronik tidaklah dihalang dari menuju Kesatuan Sekerja.

#### **KADAR FAEDAH BANK-BANK PERDAGANGAN/INSTITUSI KEWANGAN**

**30.** Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jenis-jenis kadar bunga yang dikenakan dan cara perkiraan terhadap pinjaman perumahan yang digunakan oleh bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan dan apakah kesannya terhadap peminjam tulen serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan

rakyat dengan cara memastikan yakni mereka tidak dikenakan kadar bunga yang keterlaluan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan dan Syarikat-syarikat kewangan berbeza di antara institusi dan juga di antara peminjam. Kadar faedah yang boleh dikenakan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan bergantung kepada beberapa faktor, terutamanya kedudukan kredit seseorang peminjam dan kos kepada bank atau syarikat kewangan untuk mendapatkan dana/kumpulan wang. Bank perdagangan akan mengenakan "kadar utama" kepada peminjam-peminjam yang mereka anggap paling "credit worthy". Semua peminjam lain akan dikenakan kadar yang lebih tinggi daripada kadar utama.

Bagi peminjam-peminjam daripada sektor utama, iaitu masyarakat bumiputra, pengusaha-pengusaha kecil dan individu yang memohon pinjaman perumahan, Bank Negara telah menetapkan kadar faedah maksima yang boleh dikenakan oleh bank perdagangan untuk menentukan bahawa peminjam-peminjam ini boleh mendapatkan pinjaman pada kadar yang berpatutan. Untuk pinjaman perumahan kepada individu, bank-bank tidak boleh mengenakan kadar faedah yang lebih daripada 10 peratus setahun di mana harga tanah dan rumah di atasnya tidak melebihi \$100,000 dan di mana peminjam berkenaan membeli rumah untuk pertama kalinya dan rumah yang dibeli akan didiami oleh pembeli berkenaan. Dengan menetapkan satu kadar maksima ke atas pinjaman-pinjaman perumahan sedemikian, bolehlah dipastikan bahawa pembeli-pembeli rumah dapat meminjam pada kadar yang berpatutan.

Terdapat berbagai-bagai kaedah untuk mengira kadar faedah untuk pinjaman perumahan. Walau bagaimanapun, kebanyakan bank dan syarikat kewangan mengira kadar faedah berdasarkan baki tahunan di mana kadar faedah dikira ke atas baki pinjaman yang belum dijelaskan pada setiap awal tahun.

## PELARIAN THAI ISLAM—KAWALAN KEMASUKAN

**31. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang kepada keadaan kedatangan pelarian-pelarian Islam untuk mendapat perlindungan dalam negara kita disebabkan dakwaan oleh pegawai-pegawai Thai terhadap orang-orang Thai Islam; apakah tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah pelarian supaya tidak akan merebak dan menjadi masalah yang besar di antara Malaysia dan Kerajaan Thai.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Beberapa rundingan telah diadakan dengan Kerajaan Thai bagi membincangkan masalah orang-orang pelarian Thai Islam di negara ini. Pihak Thai telahpun mengambil beberapa langkah untuk menghapuskan punca-punca yang menyebabkan orang-orang pelarian Thai Islam lari ke negara ini. Nampaknya langkah-langkah ini adalah berkesan oleh kerana terdapat sekarang ini beberapa keluarga yang telahpun kembali ke kampung halaman mereka di negara Thai.

## PERUNTUKAN PULAU PINANG DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

**32. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) meskipun Pulau Pinang dijangka akan memain peranan sebagai pusat pertumbuhan Wilayah untuk Utara Malaysia, ia hanya diperuntukkan sejumlah \$1,236.02 juta sahaja di bawah Rancangan Malaysia Keempat sementara negeri-negeri lain diberi peruntukan dua atau tiga kali ganda, dan
- (b) mengapa peruntukan untuk Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah dikurangkan sebanyak \$160 juta apabila dibanding dengan peruntukan yang dikaji sama ada di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:**

- (a) Dalam penyediaan Rancangan Malaysia Keempat penentuan peruntukan mengikut negeri adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria dengan tujuan bagi mendapatkan matlamat optima mengikut negeri. Diantaranya ialah kedudukan sosio-ekonomi dalam sesuatu negeri, terdapatnya projek-projek dan program-program sambungan daripada Rancangan Malaysia Ketiga, potensi pembangunan ekonomi masa depan dan keperluan menyediakan peruntukan untuk program-program bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Matlamat optima ini kemudiannya diselaraskan dengan beberapa faktor tertentu sebelum peruntukan sebenar dibuat, yang diantaranya ialah hakikat bahawa sebilangan besar projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga perlu disambungkan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan terdapatnya projek-projek yang dianggap sesuai dilaksanakan. Selain daripada perkara-perkara tersebut itu, dibawah matlamat strategi Pembangunan Wilayah, Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mengurangkan keadaan ketidak seimbangan diantara negeri-negeri dan kawasan-kawasan dan oleh yang demikian adalah wajar bagi Kerajaan menguntukkan peruntukan yang lebih kepada negeri-negeri yang kurang maju, terutama sekali negeri-negeri di Pantai Timor.
  
- (b) Mengenai soalan (b) faktor-faktor yang telah saya sebut semasa menjawab soalan (a) tadi telah menyebabkan perbezaan peruntukan sebanyak \$160 juta diantara peruntukan dibawah Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan membuat kajian dari masa ke semasa projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh tiap-tiap negeri.

**PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI KE TINGKATAN KHAS**

33. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar pertimbangan (kriteria), dasar-dasar panduan atau merit yang digunakan dalam perlantikan Pembantu-pembantu Hospital, Juruteknologis-juruteknologis Makmal Perubatan, Pembantu-pembantu Juruteknologis Makmal Perubatan, Jururawat-jururawat dan Atendan-atendan Hospital ke atas kenaikan pangkat mereka ke Tingkatan Khas dan Tingkatan Tertinggi. Diminta sebutkan jumlah bilangan mereka yang memegang jawatan-jawatan Tingkatan Khas dan Tingkatan Tertinggi dalam setiap kategori, mengikut pecahan kaum, yang sedang berkhidmat dengan pihak Kerajaan pada masa ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Bagi kategori Pembantu Hospital, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Ketua Jururawat, lantikan kepada Tingkatan Khas adalah melalui perlantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Perlantikan Pegawai-pegawai tersebut ke Tingkatan Khas adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

- (1) Telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan tersebut selama sekurang-kurangnya 6 tahun;
- (2) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil setaraf serta lulus Bahasa Malaysia di peringkat tersebut;
- (3) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Bagi kenaikan pangkat dari Tingkatan Khas ke Tingkatan Tertinggi pula, syarat-syarat naik pangkat adalah seperti berikut:

- (1) Telah berkhidmat selama tidak kurang daripada 3 tahun dalam jawatan tersebut;
- (2) Lulus peperiksaan yang ditetapkan;
- (3) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Bagi kategori Pembantu Teknologi Makmal Perubatan Tingkatan Khas, jawatan tersebut diisi secara naik pangkat dengan syarat-syarat berikut:

- (1) Telah disahkan dalam jawatan;

- (2) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun selepas pengesahan dalam jawatan;
- (3) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Bagi kategori Atendan Hospital untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas, Atendan Hospital Tingkatan Biasa hendaklah berkhidmat selama 1 tahun selepas melangkah

seketan kecekapan kedua dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Untuk kenaikan pangkat lagi ke Tingkatan Tertinggi, Atendan Hospital Tingkatan Khas hendaklah berkhidmat selama 1 tahun selepas melangkah sekatan kecekapan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Pada masa ini pengisian jawatan-jawatan tersebut mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

<i>Jawatan</i>	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
(1) Pembantu Hospital				
Tingkatan Khas . . . . .	78	71	62	4
Tingkatan Tertinggi . . . . .	36	—	—	—
(2) Juruteknologi Makmal Perubatan				
Tingkatan Khas . . . . .	11	31	9	3
Tingkatan Tertinggi . . . . .	7	9	—	1
(3) Pembantu Teknologi Makmal Perubatan				
Tingkatan Khas . . . . .	12	7	5	1
(4) Ketua Jururawat . . . . .	145	387	108	24
Penyelia Jururawat Tingkatan I dan II . . .	35	35	10	—
(5) Atendan Hospital				
Tingkatan Khas . . . . .	390	17	45	2
Tingkatan Tertinggi . . . . .	27	2	5	—

#### **PENYIASATAN KEMATIAN PEKERJA TELEKOM DI BATU CAVES**

**34. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (i) sama ada penyiasatan-penyesiasatan mengenai kematian empat orang pekerja Telekom yang terhadu gas beracun semasa mereka memasuki sebuah lubang bawah tanah di Batu Caves pada bulan Mac tahun ini telah disiapkan; jika sudah, apakah hasil siasatan itu dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mempastikan keselamatan semua pekerja yang bertugas dalam lubang bawah tanah.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):**

- (i) Mengenai soalan pertama daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukacita saya nyatakan di sini

bahawa penyiasatan penuh mengenai kejadian tersebut telahpun dijalankan dan hasil daripada penyiasatan itu didapati bahawa kemalangan tersebut berlaku disebabkan peraturan-peraturan keselamatan yang ada telah tidak dipatuhi oleh pekerja-pekerja yang terlibat. Hasil penyiasatan yang sama juga telah mengesahkan bahawa peraturan-peraturan keselamatan yang terdapat di dalam Buku Arahan Telekom Malaysia adalah lengkap dan mencukupi untuk mengelakkan daripada sebarang kemalangan berlaku.

- (ii) Bagi mempastikan keselamatan semua pekerja yang bertugas di dalam lubang bawah tanah Jabatan Telekom telah mengambil langkah mengarahkan semua pekerja-pekerjanya mematuhi dengan sepenuhnya arahan-arahan dan peraturan-peraturan keselamatan yang sedia ada semasa menjalankan tugas masing-masing. Selain daripada itu

penerangan-penerangan yang lebih meluas juga akan diberi kepada pekerja-pekerja Telekom mengenai dengan bahaya-bahaya yang mungkin mereka hadapi jika peraturan-peraturan keselamatan yang ada tidak dipatuhi.

### **KEMATIAN CATHRINA TAN SUAN HONG DI JEDDAH—SIASATAN**

**35. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bahawa apakah tindakan telah diambil untuk menyiasat kematian seorang paramugari bernama Cathrina Tan Suan Hong di Jeddah baru-baru ini, dan apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil untuk memperlindungi keselamatan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri.

**Dato Richard Ho Ung Hun:** Untuk makluman Yang Berhormat, penyiasatan penuh ke atas kes kematian Cathrina Tan Suan Hong di Jeddah baru-baru ini telah dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan Saudi. Mengikut Kedutaan Besar Malaysia di Jeddah, siasatan tersebut telah dijalankan dengan memuaskan.

Menyentuh tentang bahagian kedua soalan itu, pada keseluruhannya rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri diberi perlindungan keselamatan yang memuaskan oleh negara-negara berkenaan. Dalam pada itu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, menerusi perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, sentiasa mengawasi keadaan dan sekiranya ada di antara pekerja-pekerja kita yang terancam keselamatan mereka, Kementerian tersebut sedia memberi bantuan yang wajar.

### **RESOLUSI KONGRES EKONOMI BUMIPUTRA**

**36. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan dari 216 resolusi yang diterima oleh Kongres Ekonomi Bumiputra Ketiga yang diadakan dari Mei 30-Jun 1, 1980; berapa banyak dari resolusi-resolusi tersebut diterima oleh Kerajaan untuk dilaksanakan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Kerajaan masih menyemak semua resolusi Kongres Ekonomi Bumiputra Ketiga tahun 1980 ini dan belum menerima sepenuhnya mana-mana resolusi. Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan iaitu ada di antara perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Kongres itu yang telah mendapat perhatian atau sudahpun dilaksanakan oleh Kerajaan sejak berapa lama seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru.

### **KENAIKAN HARGA TEPUNG/MINUMAN RINGAN**

**37. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab kenaikan harga tepung dan minuman ringan di Sabah baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga tepung gandum dan minuman ringan baru-baru ini bukanlah terhad di Sabah sahaja malah di seluruh negara. Kementerian saya telah meluluskan kenaikan harga tepung gandum disebabkan kenaikan kos pengeluaran terutamanya harga bijian gandum dipasaran dunia. Sejak kenaikan harga runcit tempatan pada 1hb Mac, 1980 yang lalu, harga purata bijian gandum telah meningkat dari M\$368.43 setan metrik kepada M\$424.99 pada bulan Januari, tahun ini iaitu lebih kurang 15%. Di samping itu, kenaikan kos-kos elektrik, pengangkutan dan upah telah juga melibatkan pertambahan kos pengeluaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minuman ringan adalah merupakan barang kawalan semasa musim perayaan sahaja. Oleh itu Kementerian ini hanya mengawal barang ini cuma dari segi bekalan sahaja pada musim-musim perayaan untuk menentukan bekalan yang mencukupi dan tidak dari segi harga.

### **KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN BAHAN UTAMA**

**38. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha untuk menjadikan

Kuala Lumpur sebagai Pusat Perdagangan bahan-bahan utama Malaysia, seperti getah, kelapa sawit, bijih timah, kayu balak, lada hitam untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri supaya semua melalui Kuala Lumpur sahaja dan tidak melalui negara jiran, atau orang tengah yang mengambil kesempatan atas kepakaran mereka.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong):** Sebagai langkah pertama untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Perdagangan bahan-bahan utama Malaysia, Kerajaan telah mengambil daya utama dalam penubuhan Bursa Komoditi Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Commodity Exchange atau ringkasnya KLCE. Komoditi pertama yang diniagakan di KLCE ialah minyak kelapa sawit mentah dan adalah diharapkan bahan-bahan utama Malaysia yang lain seperti getah, bijih timah, lada hitam, kayu balak dan sebagainya dapat dimasukkan ke dalam KLCE. Usaha-usaha telah mula dijalankan untuk tujuan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua Jawatankuasa untuk memasukkan pasaran getah dan bijih timah ke dalam KLCE telah ditubuhkan oleh Kementerian saya. Jawatankuasa mengenai getah telah pun memulakan kajian-kajian awal. Walau bagaimanapun, masa diperlukan untuk menjadikan Bursa tersebut sebuah Bursa berbagai komoditi.

Di samping itu juga usaha-usaha telah dan sedang giat dijalankan oleh Kementerian ini untuk menggalakkan pasaran-pasaran bagi bahan-bahan utama Malaysia dengan menghantar Missi-misi teknikal dan galakkan ke pasaran-pasaran di luar negeri untuk memperkenalkan bahan-bahan tersebut dan menggalakkan pemasaran terus bahan-bahan tersebut ke negara-negara pengguna.

#### KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI

39. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa mengikut Jadual 9.9 Rancangan Malaysia Keempat (RME) muka surat 198, adalah

didapati iaitu Keluaran Negara Kasar (KDNK) per kapita menjelang tahun 1990 adalah seperti berikut:

(a) Negeri Kelantan .. . .	\$ 2,157.1
(b) Negeri Trengganu .. . .	2,959.2
(c) Negeri Sarawak .. . .	2,302.7
(d) Negeri Sabah .. . .	2,807.6
(e) Negeri Johor .. . .	3,057.3
(f) Wilayah Persekutuan ..	4,727.2

Nyatakan berapakah sebenarnya KDNK per kapita bagi tiap-tiap negeri yang tersebut pada tahun 1980. Apakah asas-asas perkiraan itu dibuat.

**Perdana Menteri:** Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut industri asal dan negeri bagi tahun 1980 ada dicatatkan dalam Jadual 5-2 di muka surat III dokumen RME. Dari Jadual tersebut, KDNK per kapita bagi negeri-negeri yang Ahli Yang Berhormat maksudkan, untuk tahun 1980 adalah seperti berikut:

Negeri	KDNK per kapita (\$)
Kelantan .. . . .	842
Trengganu .. . . .	1,316
Sarawak .. . . .	1,382
Sabah .. . . .	1,847
Johor .. . . .	1,726
Wilayah Persekutuan ..	3,991

Secara ringkasnya, Keluaran Dalam Negeri Kasar ialah satu petunjuk yang menggambarkan satu-satu masa yang tertentu, tingkat kegiatan ekonomi sesebuah negara atau negeri yang dinilai mengikut nilai mata wang. Segala hasil dari kegiatan perekonomian dalam tempoh tersebut, sama ada barang atau perkhidmatan, diambil kira mengikut landas-landas sistem akaun negara yang telah ditentukan.

KDNK mengikut negeri adalah petunjuk yang lebih terperinci dan diperolehi berdasarkan kepada nilai-nilai keluaran atau nilai hasil kegiatan ekonomi dalam sesebuah negeri itu dikelaskan kepada sektor-sektor

tertentu seperti pertanian, pembuatan, pembinaan dan lain-lain. Dengan itu KDNK per kapita mengikut negeri menggambarkan pendapatan KDNK mengikut penduduk dalam satu-satu masa tertentu dan diperolehi dengan membahagikan jumlah KDNK sesebuah negeri dengan bilangan penduduknya.

### KENDERAAN BARU—JUMLAH

**40. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa penjualan kenderaan baru telahpun meningkat ke bilangan 10,000 buah sebulan di seluruh negara. Bilangan yang begini banyak akan menambahkan lagi kesesakan lalu lintas dan kemalangan jalanraya. Jika sedar mengapa kerajaan tidak menjalankan rancangan membaiki sistem kenderaan awam seperti menambahkan bilangan bas, teksi, keretapi dan lain-lain lagi bagi mengurangkan orang ramai menggunakan kenderaan sendiri untuk ke Pejabat, ke pasar dan sebagainya. Jika Kerajaan menjalankan sistem ini akan mengurangkan penggunaan tenaga petrol dan mengurangkan kemalangan jalanraya.

**Dato' Lee San Choon:** Saya sedar bahawa bilangan kenderaan baru di seluruh negara kita telah bertambah dengan pesatnya. Adalah tidak benar Kerajaan tidak menjalankan rancangan untuk membaiki keadaan pengangkutan awam. Pengangkutan awam adalah satu aspek pengangkutan yang sangat digalakkan oleh Kerajaan oleh kerana sebilangan besar rakyat kita bergantung kepada pengangkutan awam, terutamanya bas, untuk berulang-alik dari sesuatu tempat ke sesuatu tempat yang lain. Untuk memperbaiki perkhidmatan bas supaya menggalakkan lebih ramai orang menggunakanannya, Kerajaan telah menghapuskan cukai tempat duduk yang dikenakan ke atas bas, mengurangkan cukai jalan, menghadkan penggunaan bas yang umurnya melibih 12 tahun dan menggalakkan penggunaan bas yang muatannya lebih.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penambahan perkhidmatan bas dan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang terletak di bawah bidang kuasa

Kementerian Perusahaan Awam telah dan akan terus menambahkan lesen-lesen bas supaya bilangannya adalah mencukupi bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan memuaskan kepada rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan semua jenis bas yang dijalankan di seluruh negara telah meningkat dari 12,301 dalam tahun 1979 ke 13,146 dalam tahun 1980. Teksi yang menjadi sebahagian dari sistem pengangkutan awam juga telah ditambah bilangannya. Bilangan teksi telah meningkat dari 12,034 dalam tahun 1979 ke 13,644 dalam tahun 1980.

### CATHRINA TAN SUAN HONG— SEBAB KEMATIAN

**41. Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kematian seorang rakyat Malaysia yang bekerja sebagai pramugari di syarikat penerbangan Saudi Arabia yang bernama Cathrina Tan Suan Hong itu mati membunuh diri atau akibat pembunuhan yang dirancang oleh pihak-pihak yang tertentu dan kerana apakah proses pengiriman mayat tersebut ke Kuala Lumpur terlalu lambat.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Setahu Kementerian saya, kematian pramugari Cathrina Tan Suan Hong di Jeddah baru-baru ini adalah akibat dari membunuh diri.

Menyentuh tentang bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, pengiriman mayat Cathrina ke Kuala Lumpur tidak dapat diuruskan lebih awal kerana pihak berkuasa polis Saudi masih memerlukan mayat tersebut untuk pemeriksaan dan siasatan lanjut. Ini telah dijelaskan oleh pihak Saudi kepada Kedutaan Besar kita di Jeddah. Pada keseluruhannya, Kedutaan kita dan juga bapa simati yang telah melawat Jeddah berhubung dengan perkara tersebut berpuas hati dengan siasatan yang telah dijalankan.

### OPERASI ISI PENUH

**42. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) jumlah bilangan kekosongan kerja yang telah diisi melalui Operasi Isi Penuh;

- (b) jumlah bilangan kekosongan kerja dalam sektor awam yang masih belum diisi;
- (c) kriteria yang digunakan dalam pemilihan calon-calon untuk mengisi kekosongan-kekosongan kerja ini dan sama ada kriteria ini juga akan digunakan dalam pemilihan calon-calon untuk mengisi kekosongan kerja yang kini wujud.

**Perdana Menteri:** Semenjak sistem Operasi Isi Penuh dilancarkan pada pertengahan bulan Jun, 1979 sebanyak 49,007 tawaran telah dibuat bagi semua kumpulan (A, B, C, D dan IMG) jawatan awam Persekutuan hingga bulan April, 1981. Ini bermakna sebilangan besar daripada kekosongan jawatan awam Persekutuan telah dapat diisi, dan tindakan juga sedang diambil ke arah pengisian jawatan-jawatan kosong pada masa kini.

Pada masa sekarang terdapat lebih kurang sebanyak 7,400 kekosongan jawatan awam Persekutuan di dalam semua kumpulan yang sedang diisi, dan iklan-iklan telahpun mula dikeluar bagi mengisi jawatan-jawatan berkenaan.

Pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kepada kelulusan, kelayakan dan sesuaian calon itu sendiri semasa temuduga. Prinsip ini telah sekian lama dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan adalah diikuti di bawah sistem Operasi Isi Penuh. Kriteria yang sama juga akan digunakan bagi memilih calon-calon yang layak dan sesuai untuk mengisi baki kekosongan yang tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### AKTA PERUBATAN 1971

#### Ketetapan di bawah Seksyen 39 (3) untuk meneruskan Bahagian VII

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981. (8hb Jun, 1981).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul atas nama Menteri Kesihatan dan masalah yang telah dicadang sekarang terbuka bagi perbahasan, sambungan dari hari semalam. Ahli Yang Berhormat dari Panti.

#### 3.36 ptg.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi bagi menyambung ucapan saya pada hari semalam mengenai seksyen-kecil (3) seksyen 39, Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu, iaitu memandangkan kepada banyaknya doktor-doktor kita yang berhijrah keluar negeri ataupun berhenti daripada berkhidmat dengan Kerajaan dan membuka klinik-klinik sendiri maka mudah-mudahan dengan adanya Akta ini akan terhalanglah serba sedikit dan tidaklah doktor-doktor kita ini akan meninggalkan pekerjaan atau perkhidmatan masing-masing dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya selalu bergantung dengan negara-negara lain iaitu dengan jalan meminjam doktor-doktor daripada luar negeri dan langkah yang sepatutnya diambil ialah bagi membanyakkan doktor-doktor tempatan sama ada diberi peluang belajar keluar negeri, lebih-lebih lagi diberi peluang di mana-mana fakulti perubatan yang ada dalam negara kita ini. Saya percaya bagi menghadapi masa-masa yang akan datang pihak Kementerian Kesihatan hendaklah mengumukakan

tuntutan wang yang agak lebih dan banyak kepada pihak Menteri Kewangan bagi membolehkan pihak Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dan sebagainya membanyakkan lagi penuntut-penuntut kita di bidang perubatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua**, sebagaimana negara-negara lain yang telah meminjamkan doktornya kepada negara kita ini dengan jangka masa yang tertentu dan terhad maka saya sukalah mencadangkan di Dewan yang mulia ini pada mana-mana pegawai perubatan atau doktor kita yang memohon berhenti atau yang memohon berhenti untuk berhijrah ke negeri lain maka kuasa yang ada pada Kerajaan hendaklah menentu dan menghadkan masanya, sama ada 5 tahun atau 7 tahun dan selepas itu doktor ini hendaklah dikehendaki balik berkhidmat semula kepada negara kita dan sekiranya telah habis tempoh masanya dan mereka itu engkar dan enggan balik berkhidmat di negara kita ini maka pihak Kerajaan hendaklah memikirkan tentang kerakyatannya dan kalau perlu kerakyatannya juga hendaklah dilucutkan kerana mereka tidak lagi menumpukan taat setianya kepada negara kita ini dan mereka itu telah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, on a point of order, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini melanggar Akta Hasutan dan tidak boleh ditimbulkan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini boleh.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cadangkan tadi ialah bagi menjaga kepentingan rakyat negara kita ini. Apalah ertiinya seseorang itu mengakui sebagai rakyat negara ini tetapi tidak menumpukan taat setianya kepada negara ini dan menumpukan taat setianya kepada negara lain. Saya rasa ini Kerajaan harus memikirkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor di negara kita ini memang sudah lama dirasakan terutama sekali di bidang Sakit Puan yang mana sehingga hari ini boleh dikatakan

kebanyakan doktor-doktor yang merawat di bidang Penyakit Puan ini masih orang laki-laki lagi dan sedikit jumlahnya doktor yang datang dari kalangan kaum wanita sendiri. Ini menyebabkan kadangkala orang-orang perempuan berasa malu hendak melahirkan anaknya di hospital, sebab yang menyambut anak tadi dan yang menyeluk sehingga dalam rahim orang perempuan ini tadi adalah doktor lelaki dan dengan sebab itu terutama sekali di kalangan ibu-ibu hamil orang Melayu segan silu dan malu hendak melahirkan anaknya di hospital sebab dia tahu doktor yang hendak membuka kainnya nanti adalah doktor lelaki, dan ini salah satu faktor dalam kajian kita bahawa bilangan atau jumlah kematian bayi yang baru lahir adalah di kalangan ibu-ibu Melayu kerana mereka masih suka bersalin di rumah, masih suka bersalin melalui bidan-bidan kampung sebab bidan-bidan kampung semuanya wanita, tidak ada lelaki sehingga suaminya pun tidak boleh melihat dia bersalin. Tetapi dengan sebab itulah di dalam bancian yang telah diadakan oleh pihak Perancang Keluarga, kematian ibu yang terbanyak sekali di negara kita terdiri daripada orang Melayu yang saya katakan enggan mereka pergi melahirkan anaknya di hospital.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bawa dalam sidang ini ialah sudahlah kita kekurangan para doktor yang merawat sebagaimana yang pernah saya suarakan di dalam Dewan ini pada masa yang lalu sehingga pesakit-pesakit luar terpaksa menunggu berjam-jam, ada yang tiga jam, ada yang empat jam menunggu untuk mendapatkan rawatan di Hospital-hospital Daerah. Ini berlaku sampai hari ini. Jikalau sekiranya Yang Berhormat Menteri Kesihatan kurang yakin boleh tanya di daerah saya, Hospital Daerah Kota Tinggi sekarang juga, empat lima jam pesakit-pesakit luar menunggu sedangkan kuota doktor yang sepatutnya ada dalam hospital itu lapan orang, tetapi hari ini hanya tiga orang pada suatu masa, dapatlah empat orang dipanggil oleh pihak Johor Bharu supaya seorang itu ditukarkan ke Keluang hingga ini tinggal tiga orang doktor sahaja yang tinggal di Hospital Daerah Kota Tinggi, yang hendak melayan seramai 110,000 manusia yang telah berlipat kali ganda dalam masa 10 tahun ini. Jadi saya

harap ini mendapat perhatian dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya melebihkan dan menambah doktor bukan sahaja di daerah saya, bukan sahaja di sekitar daerah Kota Tinggi tetapi keadaan ini boleh dikatakan hampir sama di seluruh Hospital-hospital Daerah di dalam negara kita ini.

Sudahlah dengan keadaan Hospital Daerahnya yang dibina sejak zaman penjajah dahulu yang mana sudah sampai masanya hospital tadi dikemaskinikan terutama sekali Wad-wad Bersalin dan juga Wad Kelas II yang mana di Hospital Daerah ini ada Wad Kelas II tetapi namanya sahaja Wad Kelas II tentang layanannya sama sahaja dengan Wad Kelas III dan sebagainya. Jadi saya cadangkan supaya Wad Kelas II ini biarkan benar-benar Wad Kelas II yang akan diduduki oleh pegawai-pegawai Kerajaan umpamanya atau Ahli-ahli Dewan Negeri atau Ahli-ahli Parlimen yang pada suatu masa sudah tentu akan menduduki Wad Kelas II itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan biasanya dengan sebab kekurangan doktor apabila berlaku sesuatu kejadian di sebelah petang ataupun di sebelah malam, ini berlaku; maka pihak yang mendapat kemalangan atau waris-waris yang mendapat kemalangan tadi terutama sekali kalau terdiri daripada orang-orang Islam atau orang Melayu kalau boleh mayat tadi tidak mahu disimpan di dalam bilik mayat semalam. Kalau boleh biarlah selepas kejadian itu diperiksa oleh doktor dan dibawa balik. Tetapi ini berlaku setiap masa. Hospital Daerah Kota Tinggi apabila berlaku sesuatu kemalangan yang membawa kematian selepas doktor bertugas pukul 4 petang dan apabila mayat ini dihantar ke hospital, terus dimasukkan ke bilik mayat dan apabila pihak waris merayu kepada doktor supaya dibedah atau diadakan post mortem pada malam itu juga bermacam-macam alasan dikemukakan, mengatakan lampu tidak eloklah, kelengkapan tidak adalah, doktor tidak boleh buat post mortem pada waktu malamlah; macam-macam alasan dikemukakan, dan ini membingungkan wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan seperti Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai Ketua Polis Daerah dan sebagainya yang mana waris ini tadi akan berjumpa dengan sesiapa sahaja

supaya membawa perkara ini ke peringkat doktor supaya mayat tadi dapat dibawa balik juga pada malam itu.

Tetapi yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, ini memang kejadian, apabila di Hospital Daerah Kota Tinggi satu masa kemalangan berlaku kepada warganegara asing, terdiri daripada rakyat Singapura maka apabila pihak waris mendesak doktor dapat pula diadakan post mortem pada waktu malam dan pada malam itu juga mayat tadi dibawa pulang. Tetapi kalau berhubung dengan rakyat kita sendiri bermacam-macam alasan, kekurangan doktorlah dan sebagainya yang dilakukan. Jadi ini saya rasa pada pandangan sebilangan rakyat, rakyat boleh menuduh dan menyatakan bahawa kita tidak mementingkan rakyat kita sendiri.

Kata pepatah atau bidalan Melayu:

“Baik budi emak si Randang,  
Dagang lalu ditanakkan,  
Kayu tak ada dinding dirobohkan,  
Kera di hutan disusukan,  
Anak balik kelaparan”.

Jadi saya berharap perkara yang semacam ini akan mendapat perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya kita mengutamakan anak negeri kita dulu. Kalau seseorang warganegara asing diberi layanan yang istimewa di atas peri kemanusiaan, tetapi ada negara-negara jiran kita yang tidak berfikir begitu, kalau sesuatu kejadian berlaku kepada rakyat Malaysia di Republik Singapura hanya diberikan rawatan sementara dan disuruhnya pergi ke Hospital Johor Bharu ataupun hospital dalam negeri Johor tetapi kalau rakyat yang bukan warganegara kita, rakyat Singapura berlaku kejadian di negara kita ini kita beri layanan rawatan secukupnya dan kita hantar balik ke Singapura. Begitu juga dengan ibu-ibu yang hamil. Kalau ibu-ibu kita dari Malaysia ini baru enam bulan, belum nampak sangat lagi buncinya itu sudah dilarang masuk ke Republik tersebut apatah lagi untuk melahirkan anak di pulau itu. Tetapi sebaliknya bagi ibu-ibu yang mengandung daripada seberang sana bukan sahaja kita berperi kemanusiaan, membenarkan dia datang melalui tambak Johor dibenarkan dia datang ke Malaysia bahkan tidak kurang

jumlahnya yang melahirkan anaknya dalam Hospital Daerah Johor Bharu dan di hospital-hospital daerah di dalam negeri Johor. Jadi ini saya nampak tidak berapa adil. Kalau mereka boleh menahan ibu-ibu atau isteri-isteri kita yang hamil pergi ke negeri itu maka saya cadangkan kepada Kerajaan supaya ibu-ibu yang hamil yang hendak datang ke Malaysia juga hendaklah ditahan. Kalau mereka boleh menahan, kita juga boleh menahan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi masalah-masalah bersabit dengan kekurangan doktor ini yang sedang dirasai oleh rakyat kita yang mana saya harap perkara ini akan dapat dipertimbangkan kerana kesihatan rakyat terutama sekali rakyat-rakyat di luar bandar amat mustahak diperhatikan. Keadaan hari ini tidak seperti keadaan 10-12 tahun yang lalu yang mana pada masa yang lampau rakyat kita tidak berapa jinak dengan hospital ini, tidak berapa gemar dengan hospital. Mereka masih percaya kepada bomoh, dukun atau sinseh dan sebagainya. Tetapi dengan keadaan yang ada sekarang ini, persediaan-persediaan yang dibuat oleh Kerajaan pada masa ini, maka fikiran rakyat dan pandangan rakyat telah berbeza sama sekali yang mana rakyat hari ini tidak lagi percaya kepada dukun-dukun dan bomoh-bomoh dan telah menumpukan perhatian kepada hospital-hospital daerah atau di klinik-klinik daerah dan mereka telah percaya kepada kemajuan sains yang ada pada hari ini. Tetapi malangnya, apabila rakyat di luar bandar ini pergi ke hospital-hospital daerah, mereka terpaksa menunggu berjam-jam dan saya bimbang dan takut satu masa kelak mereka akan mengubah pandangan balik semula kepercayaan kepada dukun-dukun dan bomoh-bomoh yang boleh ditemui pada bila-bila masa, baik pagi ataupun petang, baik siang ataupun malam. Jadi, dengan harapan ini saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil berat perkara ini dan mohon menambahkan lagi peruntukan dan membanyakkan jumlah-jumlah doktor dalam negara kita ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tumpat.

### 3.52 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari semalam.

Sesungguhnya Kerajaan mengakui bahawa terdapat kekurangan Pegawai-pejawai Perubatan yang begitu nyata sekarang ini. Walaupun kita telah menujuhkan tiga fakulti perubatan di universiti-universiti tempatan kita di samping menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri namun kekurangan ini tetap ada. Dengan adanya kekurangan doktor-doktor ini tentu sekali ia akan menjelaskan perkhidmatan kesihatan kita, bukan sahaja di dalam bandar tetapi juga yang lebih teruk sekali di luar bandar. Umumnya mereka iebih suka berkhidmat di dalam bandar disebabkan beberapa kemudahan yang boleh didapati dengan mudahnya. Saya berpendapat bahawa oleh kerana Kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak kepada universiti-universiti kita oleh kerana ke lima-lima universiti tempatan kita adalah dibiayai oleh Kerajaan sendiri, maka tiap-tiap yang dibelanjakan itu mestilah setimpal dengan perkhidmatan mereka. Kemudahan-kemudahan yang diberi sama ada berupa biasiswa ataupun tidak, saya rasa adalah menjadi tanggungjawab mereka terhadap negara yang sangat-sangat memerlukan tenaga dan khidmat mereka.

Memandangkan bahawa negara kita sekarang ini sedang mengembang dengan pesatnya dan sebagai sebuah negara yang membangun, saya rasa adalah wajar yang perkhidmatan wajib ini dilanjutkan bukan kepada lima tahun tetapi kalau boleh tujuh tahun ditetapkan sebagai perkhidmatan wajib kepada negara. Saya berpendapat bahawa untuk mengeluarkan seorang doktor daripada universiti ia memakan masa selama tujuh tahun lebih sedangkan siswazah sastra hanya tiga empat tahun. Jadi, oleh kerana masa mereka belajar itu memakan masa tujuh tahun lebih, maka saya berpendapat bahawa patutlah juga diselaraskan dengan tempoh perkhidmatan wajib itu dilanjutkan hingga kepada tujuh tahun supaya mereka dapat berkhidmat kepada negara dengan masa yang

agak mencukupi sebelum doktor-doktor baharu keluar dari universiti. Ini saya rasa boleh juga mengurangkan jurang kekosongan yang ada sekarang. Memandangkan tempoh masa yang saya cadangkan ini begitu lama, eloklah saya rasa mereka ini ditempatkan bergilir-gilir di luar bandar. Katakanlah, tiap-tiap dua tahun sekali ditukarkan supaya mereka ini mengetahui kehendak-kehendak negara sebenarnya. Janganlah mereka hanya mementingkan kesenangan untuk mencari kewangan sahaja. Mereka perlu juga memberi khidmat-baktinya kepada negara sebagai satu sumbangan perkhidmatan mereka yang sangat diperlukan.

Dalam pada itu kajian juga perlu dijalankan tentang mengapakah doktor-doktor suka sangat hendak berhenti. Adakah kerana gajinya tidak memuaskan ataupun kerana layanan perkhidmatan yang kurang baik. Saya percaya faktor besar ialah gaji. Kerana, apa yang saya faham doktor-doktor perebet boleh dapat empat hingga lima kali ganda banyak jika dibandingkan dengan doktor-doktor Kerajaan. Ini tentu membuat mereka lebih minat membuka klinik sendiri. Sekiranya ini satu daripada sebab utama, saya rasa kedudukan gaji, syarat-syarat perkhidmatan, elaun dan kemudahan perlulah dikaji secara mendalam agar ia dapat dibaiki dari satu masa ke satu masa.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Keluang.

3.58 ptg.

**Tuan Lee Kaw (Keluang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Pandangan saya, usul ini tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi hari ini di hospital-hospital di mana banyak Ahli-ahli telah membangkitkan perkara mengenai masalah-masalah dalam Kementerian Kesihatan.

Di sini saya suka mengambil peluang membangkitkan dan menambah iaitu ada banyak lagi masalah-masalah di hospital-hospital daerah. Tuan Yang di-Pertua,

doktor-doktor yang telah meletakan jawatan dalam hospital dalam Kementerian Kesihatan bukanlah oleh kerana gaji sahaja tetapi saya telah dapat aduan daripada doktor-doktor mengenai working condition dalam hospital. Saya mencadangkan di sini supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mesti mengambil perhatian berat untuk memberi satu new deal kepada doktor-doktor dan gaji-gaji mereka. Baharu-baharu ini kita telah dengar gaji doktor-doktor dalam hospital Kerajaan dibandingkan dengan doktor-doktor perebet sangat kurang. Perkhidmatan dalam hospital-hospital istimewa dalam hospital daerah doktor-doktor terpaksa berkhidmat 24 jam sehari.

Tuan Yang di-Pertua, banyak doktor-doktor berkhidmat dalam hospital ini oleh kerana tidak tahu Bahasa Malaysia, doktor-doktor ini terpaksa berkhidmat 24 jam dan oleh kerana syarat-syarat iaitu doktor-doktor mesti tahu Bahasa Malaysia, baharu boleh dapat permanent post. Jika tidak, doktor-doktor ini berkhidmat sementara sahaja dan tidak boleh mendapat privilege seperti rumah, elaun, car loan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor yang berkhidmat dalam hospital-hospital daerah tidak puas hati dan yang lain-lain juga seperti doktor-doktor pakar, gynaecology, physician dan surgeon telah meletakkan jawatan, kenapa? Adakah mereka itu tidak ada peluang? Kita dalam Dewan ini telah mendengar Kementerian Kesihatan ada create new posts beri peluang kepada mereka ini. Adakah ini mencukupi?

Tuan Speaker, dalam negeri Johor rakyat sudah tidak percaya kepada doktor-doktor dan hospital. Dengan izin, saya quote. The greatest sin....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini quote dari mana? Main hafal sahaja nampaknya.

**Tuan Lee Kaw:** Oleh kerana ini bahasa Inggeris, saya quote saya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah, quote dari mana?

**Tuan Lee Kaw:** Saya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, itu bukan quote. Kalau quote ada dibacakan.

**Tuan Lee Kaw:** Dengan izin, Tuan Speaker, dalam bahasa Inggeris. Ini quotation saya oleh kerana saya tidak tahu dalam Bahasa Malaysia, saya boleh.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah, quotation itu ambillah benda di mana. Ini main hafal cakap sendiri sahaja, kata quotation. Quotation dari mana, sebutkan.

**Tuan Lee Kaw:** I want to quote it in English.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya tahu. Saya tahu, quotation ambil daripada bahasa asallah tetapi dari mana?

**Tuan Lee Kaw:** Dari saya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan quotation. Apa ini. Quotation ambil orang lain punya.

**Tuan Lee Kaw:** Dengan izin, bolehkah saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu sekejap! (*Ketawa*)

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mulakan.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Speaker, dengan izin, saya meminta permission bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lee Kaw:** Terima Kasih.

Tuan Speaker, the greatest sin for a rakyat in Malaysia is to fall ill oleh kerana jika seseorang rakyat sakit pergi hospital bukanlah satu hospital tetapi pergi legalised death house, oleh kerana sangat banyak Hospital-hospital Daerah seperti di Mersing Hospital kadang-kadang tidak ada doktor di situ dan juga dalam Hospital Daerah di Keluang pada hari Jumaat kadang-kadang pun tidak ada doktor. Orang-orang sakit kena tunggu 5 jam, 6 jam di mana Ahli-ahli baru sahaja di dalam Dewan ini pun ada membangkitkan perkara ini.

Tuan Speaker, saya ada kata rakyat tidak percaya perkhidmatan kesihatan dalam Kementerian Kesihatan dan hari ini pun ada

Kerajaan di negara kita khasnya di Johor pun boleh dikatakan tidak percaya kepada perkhidmatan kesihatan Kementerian Kesihatan oleh kerana dalam Negeri Johor kita tahu jika satu badan suka tubuh sebuah hospital mesti dapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan. Di sini Kerajaan Johor ada satu agensi SEDC menubuhkan satu hospital baru.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, usul ialah berkaitan dengan hendak meluluskan kuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi. Jadi, saya dengar Yang Berhormat bercakap banyak tentang masalah-masalah berkaitan tadbiran hospital atau rumah sakit yang sentiasa berlaku. Tolong tumpukan balik kepada soal usul itu sahaja.

**Tuan Lee Kaw:** Ya, Tuan Speaker. Apa yang saya suka membangkitkan di sini ada kaitan dengan usul ini tetapi jika sabar sedikit, saya akan terus.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, jangan terlampau meleret-leret, itu sahajalah.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Speaker, mengenai hospital private di mana SEDC Johor ada joint venture dengan private sector untuk membina sebuah hospital baru dan joint venture ini hospital private dapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan di mana hospital ini semua terima pakar-pakar dari Hospital-hospital Daerah dan Hospital Besar di Johor Bharu. Jika hospital baru ini menarik semua doktor-doktor dari Hospital Daerah dan Hospital Besar mana ada doktor-doktor di Hospital-hospital Daerah? Buat sepuluh undang-undang pun tidak boleh encourage doktor ini berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan. Sebab itu saya harap Menteri yang berkenaan mesti beri satu gaji baru dan new deal kepada doktor-doktor, bukanlah undang-undang paksa doktor berkhidmat. Ini satu solusi sementara sahaja. Jika tidak, Tuan Speaker, tidak guna lagi kita buat undang-undang oleh kerana ini bukan satu usul yang boleh menyelesaikan perkara-perkara ini.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Menglembu.

*4.05 ptg.*

**Tuan P. Patto (Menglembu):** Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam di mana usul itu dengan sendirinya meminta Dewan meluluskannya supaya peruntukan Seksyen kecil (3) Seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi iaitu sehingga 1hb Oktober, 1986.

Tuan Speaker, separtimana rakan saya Ketua Pembangkang telah mengatakan semalam bahawa sudah 10 tahun seksyen kecil ini dikuatkuasakan di mana setiap Pegawai Perubatan wajib berkhidmat dengan Kerajaan selama 3 tahun dan pada hari ini Dewan diminta meluluskan usul supaya kuatkuasa seksyen kecil itu diteruskan selama 5 tahun lagi iaitu bererti bahawa selama 15 tahun seksyen kecil ini dikuatkuasakan iaitu sehingga 1986.

Separtimana rakan-rakan saya telah berkata nampaknya pihak Kementerian Kesihatan masih lagi meraba-raba dengan masalah kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan dalam hospital-hospital kita. Masih lagi ia meraba-raba mencari doktor-doktor untuk berkhidmat dalam hospital untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada rakyat yang memerlukan perkhidmatan itu. Tambah pula lagi Kementerian Kesihatan yang membelanjakan berjuta-juta ringgit di bawah setiap rancangan Malaysia telah mendapati bahawa ia memerlukan doktor untuk berkhidmat tetapi apakah cara yang baik sekali untuk mengatasi masalah ini. Adakah cara memanjangkan kuatkuasa ini satu cara yang baik sekali untuk mengatasi masalah ini ataupun pihak Kementerian atau Yang Berhormat Menteri sendiri telah duduk dan memikir sedalam-dalamnya adakah jalan-jalan lain untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor di dalam hospital dalam negara kita untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada rakyat negeri ini.

Tuan Speaker, usul ini dibentang dengan alasan untuk mengatasi masalah kekurangan tetapi usul ini hanya akan menyelesaikan masalah-masalah ini untuk satu waktu

sementara sahaja iaitu dengan izin, ini adalah satu *ad hoc* solution kepada masalah kekurangan. Apakah pokok masalah itu? Itulah yang hendak dicari, tidak gunalah garu-guru kepala dan memikir tetapi tidak dapat jawapan. Apa yang perlu ialah pihak Kementerian mencari apakah yang menyebabkan Pegawai-pegawai Perubatan yang ada dalam perkhidmatan Kerajaan yang sering mahu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Adakah separtimana dituduh bahawa ada doktor-doktor ataupun kebanyakannya doktor-doktor itu meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kerana mereka mahu mencari wang yang lebih di luar apabila mereka menjadi, private practitioner, ataupun adakah sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka meninggalkan perkhidmatan Kerajaan.

Saya berpeluang bertukar fikiran dengan beberapa pegawai perubatan yang sering menekankan bahawa keputusan mereka untuk meninggalkan perkhidmatan perubatan Kerajaan ialah bukan kerana semata-mata untuk mencari wang tetapi oleh kerana frustasi mereka di dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan. Itulah punca masalah doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan perubatan dengan Kerajaan. Jadi apakah frustasi yang menyebabkan mereka meninggalkan perkhidmatan itu? Salah satu sebabnya ialah peluang-peluang kenaikan pangkat. Ini sudah pun menjadi satu perkara yang bukannya baharu sahaja timbul dalam tahun 1980 atau 1979 tetapi sejak awal 1970an, perkara ini telahpun timbul dan telahpun ditimbulkan dalam Dewan ini tetapi sehingga hari ini perkara ini tidak dapat diatasi atau satu penyelesaian belum dicari oleh pihak Menteri atau Kementerian berkenaan.

Kenaikan pangkat bagi doktor-doktor yang telah berkhidmat lebih daripada kewajipan yang dikenai iaitu selama 3 tahun itu sangat membimbangkan saya dan juga orang-orang yang berminat untuk mengatasi masalah ini. Doktor-doktor yang telah berkhidmat selama 10 tahun, ada yang lebih dari 10 tahun, tiba-tiba mahu meletakkan jawatan kerana mereka menunggu-nunggu untuk dinaikkan pangkat tetapi tiba-tiba seorang yang lebih junior yang tidak mempunyai pengalaman seperti doktor yang tersebut telah dinaikkan pangkat

(overtake). Jadi inilah frustasi yang pertama. Kalau lauh yang menjadi punca perletakan jawatan doktor-doktor itu, saya fikir hari ini tidak ada seorang doktor yang lebih daripada tiga tahun pengalaman berkhidmat, akan berkhidmat dengan hospital Kerajaan. Saya berani berkata dalam Dewan ini, kalau lauh wang yang menjadi punca. Hari ini masih terdapat doktor-doktor yang telah berkhidmat 10 - 15 tahun dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan, tetapi mereka menahan frustasi dan berkhidmat, cuma mereka menunggu masa frustasi itu meletup dan mereka akan meninggalkan perkhidmatan. Kalau itulah yang pihak Kementerian mahu, saya fikir Yang Berhormat Menteri sudah pun masuk lorong yang salah dari segi fikiran.

Tuan Speaker, satu lagi yang sering saya diberitahu ialah dalam kenaikan pangkat itu juga, ada doktor-doktor yang telah ditemuduga dan telah diberi recommendation yang kuat oleh pegawai atasan tetapi mereka menunggu sehingga 5 - 7 tahun tetapi tidak dapat sebarang jawapan pun. Ini satu frustasi yang menambahkan ke atas frustasi lain yang ada pada mereka itu. Jadi kalau lauh seorang doktor dikehendaki berkhidmat dengan frustasi seumpama itu, saya fikir kalau Yang Berhormat Menteri menjadi seorang doktor dan berkhidmat dengan hospital Kerajaan, beliau sendiri pun akan letak jawatan dan buka klinik sendiri kerana frustasi itu.

Dan perkara yang kedua, doktor-doktor yang telah berkhidmat selama tiga tahun maka saya bangkitkan perkara ini ialah kerana kewajipan yang dikenakan oleh setiap pegawai perubatan yang berkhidmat selama tiga tahun ialah satu *ad hoc* solution. Apa yang perlu kita cari ialah satu solusi yang berupa kekal untuk mengatasi masalah ini dan punca-punca masalah yang saya berikan ini supaya Yang Berhormat Menteri boleh barangkali berfikir dengan sedalam-dalamnya. Satu daripada puncanya ialah peperiksaan Bahasa Malaysia yang pegawai-pegawai perubatan perlu mengambilnya untuk ditetapkan sebagai pegawai perubatan tetap supaya mereka dapat ditimbangkan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya. Saya masih ragu-ragu lagi sama ada peperiksaan Bahasa Malaysia yang diambil oleh pegawai-pegawai tadbir dalam jabatan-jabatan lain yang bukan ada kaitan

dengan perubatan, yang bukan ada kaitan dengan pembedahan, adakah peperiksaan yang diambil oleh pegawai-pegawai yang tidak ada berkaitan dengan pembedahan, perubatan dan sebagainya juga perlu diambil oleh pegawai perubatan yang menjalankan tugas-tugasnya yang tidak ada kaitan dengan kerja-kerja lain seperti yang dijalankan oleh pegawai-pegawai lain di dalam jabatan-jabatan lain.

Saya masih ragu-ragu sama ada berkaitan, tetapi barangkali boleh ada argument bahawa setiap pegawai perubatan perlu mengetahui sedikit sebanyak pengetahuan Bahasa Malaysia. Saya bersetuju bahawa setiap doktor perlu, tetapi di manakah kita meletakkan garisan, setakat manakah seorang pegawai perubatan atau seorang pakar pembedahan itu perlu mengetahui Bahasa Malaysia. Adakah taraf itu taraf SPM atau STP atau 1st year university atau apa? Dan ini sudah pun menjadi masalah besar oleh kerana ada doktor-doktor yang lulus, mereka mendapat ijazah-ijazah 10 - 15 tahun dahulu daripada universiti-universiti tempatan barangkali atau di luar negeri yang kesemuanya dalam bahasa Inggeris, mereka dididik dalam bahasa Inggeris semasa zaman kolonial. Jadi kita tidak boleh menyalahkan seseorang doktor itu oleh kerana ianya tidak tahu Bahasa Malaysia taraf SPM atau STP itu tidak boleh dinaikkan pangkat. Itu saya fikir adalah satu penganiayaan terhadap pegawai-pegawai perubatan termasuk pakar-pakar pembedahan dan lain-lain pegawai yang ada berkhidmat dalam perkhidmatan perubatan.

Saya pernah membangkitkan masalah ini dalam Dewan dan saya masih ingat masa itu Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Sulaiman Haji Daud ada memberi jaminan bahawa-satu kajian dibuat tentang peperiksaan yang perlu diambil oleh pegawai-pegawai perubatan. Setakat ini tidak ada sebarang keputusan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan, apakah kedudukan tentang penyiasatan itu berkenaan dengan kertas Bahasa Malaysia bagi doktor-doktor dalam perkhidmatan perubatan.

Tuan Speaker, masalah ketiga yang juga menyebabkan mereka meninggalkan perkhidmatan perubatan sepertimana usul

yang dibentangkan hari ini ialah insubordination yang berlaku di hospital-hospital bukan sahaja di Ipoh dan saya sering mendapat maklumat daripada rakan-rakan saya di hospital di mana doktor-doktor mendapati kakitangan-kakitangan bawahan sering tidak mahu mematuhi arahan-arahan, tidak mahu mengikut nasihat dan arahan yang diberi oleh doktor dan ini juga satu frustasi mereka oleh kerana, dengan izin, there is a feeling of fear, di kalangan pegawai-pegawai perubatan oleh kerana insubordination ini sedikit sebanyak it goes along the communal line. Inilah bahaya dan ini sendiri menjadi punca kepada beberapa doktor yang kerana frustasi itu meninggalkan perkhidmatan.

Baru-baru ini saya juga mendapat tahu bahawa beberapa pakar dalam Hospital Besar Ipoh akan meletakkan jawatan dalam sebulan dua oleh kerana satu pusat perubatan persendirian akan dibina dan dibuka tidak lama lagi di Ipoh dan dengan pembinaan dan pembukaan "Perak Medical Centre" di Ipoh, ramai pakar pembedahan, gynaecologist, pakar kanak-kanak akan meninggalkan perkhidmatan perubatan. Itu memanglah akan menjadi satu masalah besar kepada Kementerian, tetapi kalaularah Kementerian masih lagi degil dan hanya mahu mengatasi masalah ini, dengan izin, *ad hoc* solution saya kata, "till Kingdom come we will never be able to solve this problem".

Jadi saya mengesyorkan supaya satu Suruhanjaya siasatan ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan untuk menyiasat frustrasi-frustrasi pegawai-pegawai perubatan serta pakar-pakar perubatan untuk mendapat tahu apakah punca frustrasi-frustrasi ini dan bagaimanakah frustrasi ini boleh diatasi supaya pegawai-pegawai perubatan ini boleh berkhidmat lebih lama daripada 3 tahun yang diwajibkan itu. Itulah yang perlu, bukan 3 tahun sahaja, kita memang mahu pegawai-pegawai perubatan berkhidmat lebih lama lagi. Kalau kita mahu mereka berkhidmat lebih daripada 3 tahun apakah cara-caranya yang boleh menarik pegawai-pegawai perubatan supaya mereka tetap dalam perkhidmatan perubatan dalam Kerajaan dan bukan keluar dan membuka klinik mereka sendiri. Dengan adanya siasatan yang

dijalankan oleh Suruhanjaya ini yang mesti dianggotai oleh wakil daripada Kementerian, MMA dan Fakulti Perubatan universiti tempatan supaya setiap pegawai perubatan dapat mengemukakan frustrasinya mengapa mereka tidak lagi berminat berkhidmat dengan perkhidmatan perubatan Kerajaan supaya ini akan menjadi satu bahan untuk mengasaskan sama ada gaji baru, sama ada working conditions yang berlainan, yang lebih baik atau lain-lain dengan tujuan supaya mengekalkan pegawai-pegawai perubatan ini dalam perkhidmatan Kerajaan.

Akhir sekali, saya fikir sikap untuk menuduh pegawai-pegawai perubatan yang telah meletak jawatan daripada perkhidmatan Kerajaan yang tinggal di negara ini atau berhijrah ke negara-negara lain, seperti orang-orang yang tidak taatsetia kepada negara adalah satu-satu perkara yang harus diteliti sebelum tuduhan seumpama itu atau fikiran seumpama itu timbul dalam kepala. Apakah sebab mereka ini berhijrah? Inilah yang perlu dikaji oleh kerana saya fikir kalau kita menghalusi dan mendalam sebab-sebab penghijrahan pegawai-pegawai perubatan sama ada daripada perkhidmatan perubatan Kerajaan mahupun dari luarnya mungkin tidak melibat Kementerian Kesihatan sahaja, mungkin melibatkan segala dasar Kerajaan sendiri termasuk dasar pelajaran, peluang-peluang kenaikan pangkat dan sebagainya. Jadi saya tidak mahu menumpu di situ, tetapi untuk label sebagai tidak taatsetia, khianat adalah tidak patut. Itu bukan bererti saya menjadi pembela orang-orang yang berhijrah ini—tidak, saya tidak menjadi pembela dan saya tidak mahu menjadi pembela mereka ini, saya cuma bersimpati dengan frustrasi mereka yang menyebabkan mereka berhijrah keluar negeri.

Saya haraplah pihak Kementerian boleh mencari jalan untuk mengatasi masalah besar ini bukan dengan solusi *ad hoc*, tetapi satu solusi yang boleh dikekalkan untuk menjamin kesihatan rakyat negara kita ini dijagai oleh pegawai-pegawai perubatan yang cukup dalam negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kangar.

4.25 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang mana menghendaki perkhidmatan doktor-doktor ataupun pegawai kesihatan ditentukan tempohnya 5 tahun mulai daripada tarikh 1-10-1981.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita sama-sama bincang ini berkenaan dengan kedoktoran ataupun pegawai kesihatan ialah matlamat kita untuk menjaga kesihatan rakyat yang ada dalam Malaysia. Ini kerana saya juga berkeyakinan penuh, satu-satu negara rakyatnya tidak akan menjadi baik dan menjadi bagus walaupun rakyat itu kaya dan makmur, aman tanpa kesihatan. Maka dengan sebab itu salah satu daripada syarat yang dikehendaki oleh manusia bukan sahaja dikehendaki bahkan mesti diawasi oleh manusia ialah penyakit supaya badan menjadi sihat. Manusia adalah bersifat baru, jadi untuk mengawasi dan menghilangkan penyakit keadaan yang terdapat ialah cara kedoktoran ataupun cara pegawai kesihatan. Dengan sebab itulah Kementerian ini mengambil berat sangat-sangat supaya memandang tempoh ini patut diketatkan dan patut diadakan disebabkan kekurangan pegawai kesihatan sebagaimana yang kita sama-sama maklum.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat setengah daripada kawan-kawan saya daripada Panti, Tumpat dan sebagainya yang kita ini amat kurang doktor atau pegawai kesihatan. Dengan sebab itulah saya yakin usul ini telah dikemukakan dan untuk mengatasi jangka panjang patutlah kita membuat satu persediaan yang konkrit yang agak baik supaya perkara ini dapat diatasi pada masa yang ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang telah diadakan oleh Kerajaan kita melalui Kementerian Pelajaran, cara menambah ilmu kedoktoran melalui pelajaran dan sebagainya mengikut kelulusan yang diperlukan untuk memasuki ke fakulti yang berkenaan.

Saya berpendapat juga kemahiran sebagaimana selalu dikatakan oleh setengah golongan: Alah bisa tegal biasa. Jadi amatlah

tepat walaupun seorang itu tidak ada kebolehan cara kedoktoran, tetapi kita tidak boleh nafi setengah daripada jururawat-jururawat dan setengah daripada ketua-ketua jururawat juga setengah daripada pembantu-pembantu hospital, saya mangaku disegi pengakuan degree orang ini tidak lebih daripada doktor, itu adalah kenyataan, tetapi di segi kemahiran untuk mengubat, mengingati ubat seolah-olah ada di kepala pembantu-pembantu hospital, ada kepada ketua-ketua jururawat, ada kepada setengah jururawat ini kita tidak boleh nafi. Kadang-kadang sudah menjadi selari sudah ingat, penyakit ini, ini ubatnya, cara begini, ini caranya.

Saya berpendapat selain daripada langkah Kerajaan kita menambah doktor melalui sekolah-sekolah sebagaimana kita tahu hari ini baikpun di dalam maupun di luar negeri. Saya berharap sangat-sangat keutamaan kepada pekerja-pekerja di hospital sekarang hendaklah diberi keutamaan seperti saya kata pembantu hospital tadi ketua-ketua jururawat dan sebagainya, kerana orang ini sangatlah pelik, ia cuma akan mengambil masa yang saya agak dalam 3-4 bulan atau paling tinggi 6 bulan cara kedoktoran itulah untuk mengambil syarat akademik yang saya kata tadi. Tentang kemahiran boleh dikatakan orang itu telah cukup mahir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengalaman yang saya perhati untuk mengubat satu-satu penyakit banyak doktor, selain daripada seorang itu pakar kebiasaan dan kemesraan amatlah perlu. Biarlah saya tidak payah sebut nama walaupun benda itu ada nama, selain daripada Hospital Besar di-Kangar, begitu juga di tempat-tempat lain, boleh dikatakan tiap-tiap negeri, tiap-tiap pekan besar dan juga pekan kecil, banyak tumbuhnya klinik-klinik persendirian kerana sebagaimana saya katakan tadi sebagai sifat manusia, sifat baru tidak boleh lari daripada dua sebab, satu sihat dan kadang-kadang sakit. Manusia tidak merasa bahagia walau dia besar pangkat, walau dia kaya kalau dia tidak sihat. Sihat adalah salah satu syarat untuk kebahagiaan kepada manusia. Dengan sebab itulah saya ulang berkali-kali manusia akan cari di mana sahaja dia dapat berubat, bukan di Perlis kalau orang Perlis; kalau perlu dia patut

datang ke Hospital Besar, Kuala Lumpur pun dia datang dan kalau perlu dia pergi ke London pun dia kena pergi untuk kesihatan walaupun orang pergi ke London ada yang terbengkalai tetapi ramai orang pergi berubat ke London, Filipina dan sebagainya. Ini mustahak sebagaimana saya katakan tadi sebagai salah satu syarat.

Saya bukanlah doktor tetapi saya perhati sebagaimana saya katakan tadi salah satu syarat selain daripada kebolehan cara doktor, maka kemesraan, kebiasaan, perkenalan adalah satu syarat yang pertama juga untuk menarik seseorang yang membawa kepada pertolongan untuk menyenangkan orang itu berubat. Misalnya, saya kata ada satu klinik persendirian di Kangar yang dikongsi bersama di antara bumiputra dengan bukan bumiputra. Saya perhati kedua-dua doktor itu persendirian dan doktor ini kebanyakannya baik budi bahasa tetapi telah menjadi satu adat kepada pesakit sebelum dia datang, yang mana ada telefon menggunakan telefon bertanya adakah doktor bumiputra kalau dia bumiputra, kalau yang bukan pula, begitulah sebaliknya ditanya pula; walhal kedua-dua doktor itu cukup baik.

Saya biasa perhatikan ini ada perasaan pada manusia kerana kadang-kadang bila orang itu telah biasa dengan satu orang itu seolah-olah belum dia periksa dia telah tahu bila tengok air muka, dengan keadaan itu dia telah tahu lebih kurang sebelum benda atau alat yang berkenaan sampai ke tubuh orang yang berkenaan. Jadi kebiasaan ini juga adalah satu perkara yang pelik. Sebab itulah sebagaimana yang saya tegaskan tadi untuk mengatasi kekurangan doktor selain daripada diadakan kursus untuk kedoktoran baik di dalam negeri dan juga di luar negeri, cara-cara yang bekerja dalam hospital patut kita galakkan. Kita mengambil contoh sebagaimana Kementerian Pelajaran; di dalam masa seseorang guru itu belajar di masa itu sambil-sambilan dia mengambil kursus luar hingga akhirnya dia mendapat kelulusan universiti dan sebagainya. Begitu juga pangkat dalam Polis saya tengok hari ini, kalau di masa yang lepas Polis biasa yang berpangkat Sarjan Mejar tidak boleh pergi kepada Inspektor Polis tetapi akhir-akhir ini sudah boleh, sampai lebih daripada Inspektor.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, usul yang hendak dibahaskan ini ialah berkenaan dengan hendak menambah lagi tempoh 5 tahun bagi menyambung khidmat doktor-doktor. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan terus kepada itu.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham maksud kita hendak melanjutkan tempoh kerana kita kekurangan doktor, sebab itu kita lanjutkan perkhidmatannya. Jadi untuk mengatasi inilah saya contohkan berbagai-bagai Jabatan, selain daripada ada sekolah-sekolah yang mengambil doktor ini salah satu cara maksud saya sebab itulah saya kaitkan banyak tadi cara biasa dan sebagainya, kerana itu salah satu syarat yang lengkap walaupun mereka itu tidak ada kebolehan tinggi tetapi cara kebiasaan yang ada pada mereka itu amat sesuai. Tetapi walau macam manapun kita tidak nafikan keadaan masyarakat hari ini dia lebih yakin satu-satu benda itu kalau di segi manusia orang yang ada akademik dan sebagainya. Jadi saya percaya orang ini telah biasa cuma hendak beri dia kelulusan akademik syarat kedoktoran beri 6 bulan dan sebagaimana sebagaimana dibuat kepada guru-guru diberi kursus sambil belajar; seperti dalam Polis dan sebagainya, akhirnya mereka dapat pangkat Inspektor dan lebih daripada itu pangkatnya. Ada juga saya tidak nafi yang naik kerana berpelajaran tinggi tetapi banyak yang naik kerana dia tahu dan telah biasa bekerja berpuluhan-puluhan tahun; kecuali yang ada syaratnya agak cukup; janganlah pula yang tidak ada berkemampuan terus. Saya contohkan, misalnya, kelulusan yang sehabis rendah ataupun STP dan sebagainya, sebab ini salah satu cara untuk mengatasi kekurangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak bermegah dengan perubatan tradisional, cara keaslian tetapi setengah daripada ubat cara asli ini juga membawa kesihatan kepada manusia. Saya tidak pandai kerana saya bukanlah doktor, tetapi bila saya pergi periksa badan saya di kala saya sakit, kerap saya dapati doktor menanya saya - maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan bahasa yang selalu ditanya, dengan izin dalam Bahasa Melayu tetapi pelik sedikit—dia

bertanya: "Adakah berak?" Maksudnya buang air besar atau buang air kecil.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya sendiri tidak faham apa ini!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** "Adakah tuan berak (buang air besar) atau tidak?" Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan bahasa yang selalu kita gunakan secara sopan tetapi bahasa yang digunakan itu bahasa kampung. Bukanlah saya kata doktor itu tidak pandai bahasa surat tetapi dia lebih senang kerana dia ingat orang sakit yang diperiksanya itu orang kampung jadi dia gunakan bahasa kampung. "Adakah tuan membuang air besar semalam?" katanya, ini yang selalu ditanya. Jadi bila saya perhati juga salah satu sebab yang membawa penyakit ini ialah kalau air besar kita tidak lawas, begitu juga kalau air kecil kita tidak lawas, ini salah satu penyakit yang kita tidak boleh nafi.

Bila saya perhati kepada ubat tradisional ini salah satu syarat dia beri ubat-ubat, dia kata selalu kita menjadi penyakit kerana badan kita angin; tidak mahu buang air besar dan air kecil dengan mudah dan salah satu lagi penyakit tidak mahu buang angin ikut belakang. Seperti kata orang Inggeris kalau satu orang itu—maaf, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa kena mengena fasal buang air besar, buang air kecil ini dengan menyambung khidmat doktor. Saya harap Yang Berhormat tolong tumpukan kepada cuma menyambung khidmat doktor.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya tumpukan kepada apa yang betul tetapi saya buat misalan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Terlampaui banyak sangat misalan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya buat misalan, kalau saya kata ubat tradisional itu bagus saya hendak contohkan sebab apa yang saya kata bagus. Jadi ada kaitan sama dengan cara kedoktoran yang pergi ke London, sama dengan perubatan tradisional kampung, jadi matlamatnya sama. Penyakit ini datang daripada angin jalan tidak baik dan buang air besar tidak baik. Itu maksud saya tetapi cara

kampung ini bila orang tengok dia itu tidak begitu senonoh ataupun pakaianya pun tidak begitu segak mungkin kadang-kadang kita takut tetapi matlamatnya sama. Matlamatnya dia tahu satu penyakit kerana angin tidak jalan, air besar tidak jalan dengan baik, air kecil tidak jalan dengan baik. Sebab itulah kalau orang Inggeris saya biasa dengar — saya gunakan bahasa ini kerana selalu digunakan — kalau satu orang itu terkentut, dia sebut: "Very good, very good". Jadi maknanya perut kita kembung keluar angin. Ini ada kaitan dengan doktor atau cara tradisional.

Pada pendapat saya, selain daripada kita membanyakkan doktor-doktor ini dan juga untuk mengatasi penyakit-penyakit kita, patut juga perubatan tradisional ini kita beri satu layanan istimewa. Kalau perlu kita hantar mereka ke hospital. Kita tidak boleh nafikan hakikat kenyataan misalnya orang sakit patah dan kadang-kadang ada penyakit lain yang bersangkutan dengan jantung, jiwa dan sebagainya. Biasanya kalau satu orang itu pergi ke hospital berjumpa doktor, disumpah kononnya oleh doktor, tuan tetap patah tidak boleh baik. Tetapi bila dia pergi kepada cara tradisional kampung, ada yang setengah itu boleh berjalan dengan baik. Kadang-kadang seorang doktor itu kata, kaki awak mesti dipotong, kalau tidak dipotong, awak tetap akan mati dan sebagainya. Dia pun takut kena potong, ada yang setengahnya yakin, dia potong tetapi ada yang setengahnya cara tradisional, katanya tidak payah potong, boleh diubat, boleh baik.

Begitu juga penyakit-penyakit lain kadang-kadang disumpah oleh pihak doktor, tuan tetap mati; dia lari balik, orang kampung ini lari balik, Tuan Yang di-Pertua. Yang ajal itu satu hallah, tetapi ini sebagai satu kenyataan. Saya bukan hendak nafikan cara sains dan teknologi, itu yang paling baik tetapi saya harap cara tradisional juga kita patut beri satu keistimewaan dan jika perlu kita ambil bersama, misalnya dari segi patah, jantung dan begitu juga dari segi nasihat dan sebagainya tetapi dari segi tradisional dia selalu menggunakan cara-cara latihan senaman selain daripada ubat-ubat akar kayu dan sebagainya. Sebab itu cuba kita perhati sebagai contoh, biasa dikata orang hari ini bahawa telah menjadi satu zaman penyakit

kepada orang besar-besar, mudah mendapat penyakit jantung, kerana orang ini kerap kali tinggal dalam bilik sejuk, tidak bergerak dan sebagainya. Cara ubat tradisional, dia hendak beri kita keluar peluh, akar-akar kayu yang boleh mengeluarkan peluh sebelum kita bergerak, senaman dan sebagainya. Ini membawakan setengah orang kampung jarang berpenyakit, kerana 24 jam badan mereka bergerak, berpeluh dan sebagainya. Jadi inilah cara tradisional selain daripada perkara-perkara lain yang patut diadakan kepada pesakit-pesakit mengikut keadaan yang boleh dibuat.

Kita juga tidak nafikan walaupun ubat-ubat itu telah jadi ubat yang kita lihat cantik tetapi ubat itu datangnya daripada akar kayu dan sebagainya, sebab itu saya perhatikan setengah daripada akar kayu daripada kedai ubat yang harganya satu bungkus tidak kurang daripada \$10-\$15 dan sebagainya. Cuma benda ini kita hendak perelokkan. Orang ini kadang-kadang dia tidak seronok hendak beli, kalau dia lihat yang menjual itu pakai dengan baju teluk belanga, pakai kain pelekat cara datang dari kampung, tetapi kalau lihat yang duduk di setengah-setengah kedai dia bubuh dalam peti yang cukup cantik, dia boleh jual ubat itu sebungkus sampai \$20 tetapi hamba Allah yang menjual akar kayu yang sama dia tidak boleh jual \$3 kerana cara pemakaianya itu. Maksud saya ialah cara ubat tradisional ini diketengahkan. Ini juga boleh menolong kekurangan doktor-doktor yang dapat mengubati pesakit-pesakit kita yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang disebut oleh kawan-kawan saya tadi dengan membanyakkan fakulti kedoktoran, saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli dari Tumpat tadi. Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, semacam dengan kita, kalau kita ingin mendapat wang lebih, manusia mana pun begitulah; pak tani cara pak tani; yang bendang ingin dapat harga padi lebih; yang kebun getah dengan cara kebun getahnya untuk dapat lebih; yang makan gaji, cara makan gaji untuk dapat lebih. Ini ada pada tiap-tiap manusia, kita tidak boleh nafikan. Kepada doktor juga semacam. Kurang doktor amat payah bagi kita. Apa yang saya kata amat payah kerana salah satu sebabnya ialah tidak boleh mengubati orang yang sakit. Yang

kedua, kalau kekurangan doktor, doktor itu juga bertugas 24 jam menjadi penyakit balik kepada orang sakit, kerana doktor itu sendiri tidak boleh lena dengan baik, doktor itu sendiri tidak bermaya. Saya ada seorang kawan doktor, dia kata, "Tidak tahu lah, saya pun letih tetapi apa boleh buat tidak cukup doktor. Pagi saya datang, petang saya datang, malam saya datang." Kalau macam ini, saya takut ubat lain yang dia beri, dia cucuk ubat lain. Ini yang amat ditakuti.

Kekurangan doktor, ataupun kalau doktor itu hendak tunjuk, "Aku bersemangat, bekerja 24 jam", letih pun dia bekerja asalkan bertugas — ini tidak boleh. Silap sedikit cucuk ataupun kalau dibedah, injection silap ubat, dibedah silap tempat, benda sudah sakit, lagi bertambah sakit. Dengan sebab itu mencukupi doktor adalah satu syarat yang cukup penting. Pada jangka panjang kita memperbanyakkan doktor tetapi lama mana kita hendak tahan supaya doktor jangan berhenti, kena berkhidmat.

Sejak kita merdeka, perangkaan bumiputra masih kurang daripada bukan bumiputra begitu juga yang bukan bumiputra tetapi kita tidak nafikan sejak kita merdeka 24 tahun, ramai daripada anak petani, anak orang kampung, bangsa apa sekali pun dalam Malaysia ini mendapat pelajaran yang tinggi: jadi doktor, engineer dan sebagainya. Ini adalah disebabkan kemudahan daripada Kerajaan. Maka dengan kemudahan ini patutlah mereka juga kena berkhidmat dan bertimbang rasa.

Kepada mereka yang berkelulusan disebabkan pemberian Kerajaan yang memerintah hari ini, ini satu kenyataan, kalau dahulu Perikatan sekarang Barisan Nasional banyak yang jadi doktor baik bumiputra ataupun bukan bumiputra, kenalah ingat kepada Kerajaan, syarat-syarat itu adalah patut. Ini patut disyaratkan 3 tahun atau 5 tahun. Tetapi kalau kita juga mengkongkong mereka dengan tidak memberi satu keistimewaan sebagai mana yang dicadangkan tadi, saya takut nanti akan dikatakan yang kita ini tidak adil.

Kerja doktor bukan mudah, dia menghadapi dua masalah. Kerja doktor ini lain daripada kerja kita, lain daripada kerja

kerani, kerana doktor hendak mengubat pesakit. Kalau orang sakit biasa tidak mengapa, tetapi kerap kali mengenai pembedahan, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sakit dengan kerana kecederaan, penuh dengan darah, penuh dengan berbagai-bagi benda lagi.

Ini satu pengorbanan yang patut dihargai, yang patut kita kaji. Saya bersetuju bahawa kerja-kerja doktor adalah lain daripada kerja kita. Kita bekerja dengan penuh bersih, elok di depan, kadang-kadang dengan bau-bauan, tetapi doktor menghadapi orang sakit yang memerlukan rawatan perubatan.

Selain daripada kena tugas bekerja mereka menghadapi keadaan yang lain, maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan kita, kepada doktor hendaklah beri satu pandangan yang cukup istimewa seperti mana kita beri kepada Polis dan Tentera. Dengan sebab itu mereka yang hendak berhenti tentulah ada sebab-sebabnya dan sebab utama yang besar ialah mendapat pendapatan yang lebih, dan saya bersetuju sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Tumpat itu adalah benar. Kalau mereka itu kerja di luar ia akan mendapat pendapatan yang lumayan, mereka terpaksa lari, mereka itu hendak cari wang untuk anak dan isterinya, hendak jadi kaya macam orang lain cari. Ini kena cari hakikat ini. Dan sekali lagi saya tegaskan kalau tak ada syarat langsung, tak beri peraturan langsung hingga tak sempat hendak berkhidmat dengan Kerajaan hendak pergi bersendirian ini tak patutlah kerana mereka ini tak bertimbang rasa tetapi kalau kita juga tak kaji gaji mereka, saya berpendapat tak bertimbang rasa kerana tugas. Saya berharap sangat-sangat dengan alasan-alasan yang saya beri tadi saya berharap kekurangan doktor itu akan dapat diatasi di masa sekarang, juga di masa-masa yang akan datang.

Sebagaimana kata Wakil dari Panti tadi tempat dia kurang doktor, tempat saya juga kurang doktor, kalau tak silap diintukkan 34 orang, hari ini tak sampai 16 orang, pakar matanya tak ada, pakar itu tak ada, pakar ini tak ada, kadang-kadang terpaksa pergi ke Alor Star, Penang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, betullah ajal di tangan Tuhan, kita tak nafi, tetapi kadang-kadang kerana 5 minit kita tak dapat

selamatkan orang itu akan menjadi tak baik, perkara ini kita tak nafi, kita sama-sama orang Islam tidak boleh nafi daripada mengakui ajal maut di tangan Tuhan tetapi Tuhan marah kalau kita tak berusaha dengan bersungguh-sungguh, itu kita kena akui. Dengan kekurangan pakar itu, pakar ini, misalnya di tempat saya — Hospital Besar Kangar, kalau orang sakit kadang-kadang terpaksa hantar ke Pulau Pinang, hantar ke Alor Star lebih dekat dan sebagainya ini memakan masa. Kalau patut orang itu boleh diselamatkan harus tak boleh diselamatkan dengan kekurangan doktor yang saya katakan tadi. Jadi saya yakin cara kita mengatasi macam mana saya syorkan tadi.

Begitu juga banyak disebut oleh kawan-kawan saya ada setengah doktor ini dia tak mahu bertugas di luar bandar. Saya tak fikir langsung kalau kita beri elauan yang setimpal dengannya, misalnya macam kita Ahli-ahli Parlimen baik, Pegawai Kerajaan baik, kalau dia keluar daripada rumah ini syaratnya, luar daripada kawasan dia, doktor mana tak mahu bertugas, keadilannya patut kita buat. Saya yakin tak timbul. Kalaulah ada doktor juga yang tak ikut syarat ini tentulah tak bertimbang rasa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya takut salah satu daripada ubat, ini kita tak boleh nafi, perasaan manusia membawa manusia itu akan sihat atau tidak. Sebab itu setengah doktor yang pandai, dan kebanyakan doktor ini memanglah pandai, kalau tidak tentu dia tak jadi doktor, mengambil hati cara memeriksa dengan baik itu adalah satu syarat yang perlu. Kalau dia periksa dengan muka yang garang, dengan keadaan sompong dan sebagainya ini membawa orang sakit bertambah sakit lagi kerana perasaan juga membawa manusia itu lekas sakit, misalnya kita tengok sehari dua ini selalu berlaku sakit jantung. Perasaan membawa manusia itu lekas sakit ataupun lekas sembah selain daripada ubat cara asli, macam kita biasa dengar Muhammad Ali berlawan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat fasal sakit hati dan perut tak usah sebutlah fasal perkara ini. Sekarang ini fasal berkenaan dengan penyambungan khidmat. Tolong tumpukan kepada usul ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini sebagai Ahli Dewan hendak bercakap, kalau Tuan Yang di-Pertua selalu marah pun tak seronok tetapi semua saya bangkitkan alasan berbangkit dengan perkara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya beri masa cuma 5 minit lagi untuk Yang Berhormat menggulung ucapan dan memberi pandangan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang saya bangkitkan perkara ini maksud saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan mengongkongkan doktor dengan beberapa syarat, kalau kita hendak kongkongkan doktor tak beri keluar, mereka membuat perasaan sompong dan kejam, matlamat kita hendak mengubat orang sakit tak sampai sebab saya kata tadi salah satu daripada ubat, selain daripada ubat, perasaan hendak kena dijaga. Kalaulah kita kata kita tetapkan juga sampai 7 tahun macam kata Wakil dari Tumpat tadi kita boleh buat 10 tahun sebab kita adalah Kerajaan tetapi kalau mereka bekerja dengan tidak ada perasaan yang senang, bekerja dengan tak siuman, akhirnya kita buang mereka itu, mereka lebih suka kalau matlamat mereka hendak cari, yang jadi mangsa ialah orang sakit balik. Jadi kita hendak kalau boleh dua tujuan mereka bekerja di sini: satu, mereka bekerja kerana tugas kepada negara; kedua, penuh perasaan tanggungjawab dan keseronokan. Itu maksud saya. Jadi bila maksud saya begitu saya hendak, katalah doktor tadi cara mengubati jiwa dan sebagainya adalah amat perlu. Saya harap sangat-sangat apa yang saya syorkan tadi mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada pihak yang berkenaan.

Oleh sebab saya pun tak seronok Tuan Yang di-Pertua beri masa kepada saya selalu, berkocak dengan ketua, bila berkocak dengan ketua ini tentulah tak seronok lagi hendak bercakap. Jadi saya harap sangat-sangat dengan syor-syor yang saya beri perhatian kepada doktor ini dan saya percaya dengan perasaan yang begini akan mengurangkan masalah kita kekurangan doktor-doktor yang kita hadapi dan saya berharap sangat-sangat tentang segi pengurusan ataupun pengelolaan di hospital-hospital dengan adanya doktor-doktor yang bertambah, dengan syarat-syarat

yang kita buat pada hari ini saya berharap sangat-sangatlah terutama di tempat saya sendiri, iaitu di Perlis dan saya percaya di tempat lain pun kurang doktor, maka kita berharap dengan syarat-syarat yang kita buat ini akan mencukupkan doktor-doktor kerana dengan cukupnya doktor akan menjadi orang kita bertambah sihat dan bertambah baik. Maka dengan menjadi bertambah sihat dan baik menjadilah satu idaman yang diazamkan oleh saya sendiri, kalau kita tak sihat, apa kita adapun semua tak dapat nikmat. Dengan adanya banyak doktor-doktor ini adalah menjadikan kita semua sihat.

Saya sokong dan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

4.58 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit pandangan berkenaan usul ini dari Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa sebab-sebab Menteri Kesihatan ada bentang usul ini di mana seseorang doktor yang hendak berkhidmat di negara kita mesti terpaksa berkhidmat 3 tahun di dalam Kementerian Kesihatan tetapi saya tidak sokong usul ini oleh sebab Kementerian Kesihatan tidak memberi solusi untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan perkhidmatan perubatan sungguhpun masalah ini ada sangat lama — 10 tahun lebih, tetapi Kementerian Kesihatan tidak berniat atau tidak mampu menyiasat perkara-perkara berkenaan perkhidmatan perubatan (medical care). Barangkali Menteri Kesihatan ingat Akta Perubatan ialah satu "crutch" boleh selalu didepend untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di negara kita, tetapi ini bukan solusi untuk mengatasi masalah di mana kita boleh beri perkhidmatan yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masa tiga tahun bukan satu masa yang panjang dalam perkhidmatan seseorang doktor. Kalau Kementerian Kesihatan yang rasional, yang cekap dan efficient, saya rasa doktor-doktor yang baru lulus atau yang baru dapat ijazah (degree) daripada universiti atau medical school di mana-mana juga dia pun hendak

berkhidmat dalam hospital-hospital, tidak payah ada satu undang-undang di mana kita memaksa dia beri perkhidmatan.

Tiga tahun ialah satu masa untuk dia mendapat pengalaman (experience) yang dalam lapangan perubatan. Kalau hospital-hospital ada facility untuk beri pengalaman kepada seorang doktor muda, saya rasa doktor itu mesti memilih berkhidmat di dalam hospital-hospital. Tidak payah ada undang-undang untuk memaksa dia.

Tuan Yang di-Pertua, trend sekarang ialah untuk doktor-doktor baru dan doktor-doktor muda minat specialise untuk menjadi seorang physician, surgeon, obstetrician atau general practitioner. Mana-mana doktor yang keluar daripada hospital-hospital pun hendak jadi specialised. Saya rasa Kementerian Kesihatan tidak ada satu program untuk beri peluang kepada doktor muda pergi melanjutkan pelajaran dia dalam bidang perubatan. Saya dapat banyak aduan daripada saudara-saudara di hospital di mana dia tidak berpeluang melanjutkan pelajarannya untuk menjadi specialist physician, surgeon atau lain-lain. Tidak ada cukup scholarship, tidak ada cukup masa dan lain-lain. Kalau keadaan ini berterusan di masa yang akan datang saya ingat medical care atau perkhidmatan perubatan di negara kita pada masa yang akan datang lagi merosot (deteriorate). Kita dengar banyak aduan daripada Ahli-ahli Parlimen di sini, ada banyak kompleks berkenaan perkhidmatan perubatan. Kalau kita mahu mengelakkan kemerosotan perkhidmatan perubatan ini saya ingat sudah sampai masanya Kementerian Kesihatan jangan lagi depend kepada crutch atau undang-undang ini tetapi betul-betul pergi menyiasat sebab-sebabnya di mana doktor-doktor mahu meninggalkan perkhidmatan dalam Kementerian Kesihatan.

Ada satu laporan daripada Malaysian Medical Association (M.M.A.) di mana ada laporan yang dalam berkenaan dengan keadaan (conditions) di hospital-hospital di mana conditionnya menyebabkan kebanyakan doktor terpaksa meninggalkan hospital-hospital dan lain-lain. Saya rasa hairan apa sebab sungguhpun ada banyak cadangan-cadangan dan usul-usul di dalam laporan itu Kementerian Kesihatan tidak ada

mengambil perhatian berkenaan dengan cadangan-cadangan itu. Saya rasa hairan kerana laporan itu adalah dibentangkan daripada satu association yang jujur, yang hendak memberi negara kita satu perkhidmatan yang bermutu tinggi tetapi malangnya Kementerian Kesihatan tidak mahu menyokong cadangan-cadangan di dalam laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan doktor-doktor dari Kementerian Kesihatan ke kalangan private dan penghijrahan doktor-doktor daripada satu negara ke negara lain bukanlah satu peristiwa yang special kepada negara kita malahan di lain-lain negara juga ada masalah ini. Misalnya United Kingdom, doktor-doktor di sana, English doctors pun berhijrah ke Kanada dan Amerika Syarikat untuk mendapat gaji (salary) yang tinggi oleh sebab Kerajaan mereka tidak beri gaji yang sesuai atau yang baik maka mereka pergi ke Kanada dan Amerika Syarikat dan lain-lain tempat. Oleh sebab itu soal penghijrahan bukan satu masalah yang dihadapi dalam Malaysia sahaja dan oleh sebab itu saya harap Ahli Parlimen dari Panti janganlah tuduh doktor-doktor yang hendak pergi ke lain tempat mencari makan, untuk mendapat gaji lebih atau untuk pergi ke lain-lain negara untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan. Saya ingat syor beliau mahu Kerajaan melucutkan kewarganegaraan ini satu cadangan yang tidak sesuai dan extreme. Saya harap Kerajaan faham apa sebab doktor-doktor hendak pergi berkhidmat ke negara lain. Ini bukan sahaja kerana wang barangkali doktor itu hendak merebut peluang bagi anak-anak mereka melanjutkan pelajaran.

Saya juga rasa ada sedikit salah faham di sini berkenaan dengan doktor-doktor kita yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan untuk pergi bekerja dengan swasta, kebanyakannya mereka itu mahu meninggalkan perkhidmatan dalam Kementerian Kesihatan bukan sahaja kerana wang. Banyak doktor-doktor yang saya kenal pun hendak berkhidmat semula dalam Kementerian Kesihatan. Kalau Kerajaan ada memberikan perkhidmatan atau facilities yang sesuai di hospital-hospital dan gaji yang betul-betul memuaskan, dia pun memilih bekerja balik dalam Kementerian Kesihatan. Tetapi oleh sebab keadaan yang

tidak baik di Kementerian Kesihatan khasnya di hospital-hospital maka banyak doktor, bukan doktor muda tetapi doktor specialist yang telah matang (matured) pun meninggalkan perkhidmatan dalam Kementerian Kesihatan. Ini adalah merupakan satu keadaan yang tidak sesuai. Oleh sebab kalau Kementerian Kesihatan hanya tinggal doktor muda-muda dengan tidak ada doktor specialist, perkhidmatan kesihatan (medical care) kita mesti bertambah merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara berkenaan dengan Malaysian Medical Council. Barangkali Kementerian Kesihatan tidak faham peranan M.M.C. oleh sebab ada satu kejadian di mana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Public Services Commission) negara ini ada menyalahguna kuasa. Kuasa ini betul-betul kuasa M.M.C. M.M.C. ada kuasa recognise degree dari sekolah-sekolah perubatan di negara luar atau di negara-negara lain. Kuasa ini bukan di tangan P.S.D. ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi di dalam tangan M.M.C.

Tetapi malangnya PSC ada mengakui sebuah sekolah perubatan di Belgium sungguhpun sekolah itu tidak dapat recognition daripada M.M.C. Saya harap Menteri Kesihatan dapat memberikan satu penjelasan berkenaan dengan hal ini. Kalau sesiapa pun yang hendak menghantar pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut kita pergi ke mana-mana medical school, sekolah tersebut mestilah mendapat kelulusan (recognition) daripada M.M.C. dahulu, kalau tidak saya ingat ini boleh membangkitkan satu keadaan yang tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkhidmatan perubatan di hospital-hospital sangat kurang baik barangkali oleh sebab pentadbirannya tidak baik. Saya rasa sudah sampai masanya di mana oleh sebab pentadbiran perkhidmatan perubatan adalah satu perkara yang rumit (complex) di mana doktor-doktor sendiri boleh memahami, saya rasa sudah sampai masanya pentadbiran mestilah di tangan doktor-doktor sendiri. Ini saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian.

Perkhidmatan Perubatan hendak dikuasai dalam satu perkhidmatan yang khas (Special Medical Services) bukan di bawah pentadbiran perkhidmatan awam. Satu contoh di mana doktor-doktor berkehendakkan lebih banyak jawatan specialist tetapi ada halangan daripada pentadbiran awam. Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan mengambil perhatian berkenaan dengan hal ini iaitu dijadikan separate medical service di mana doktor-doktor sendiri boleh menjaga perkhidmatan perubatan, oleh sebab doktor-doktor faham masalah-masalah di dalam bidang perubatan, faham tentang kerumitan berkenaan dengan salary scale, kenaikan pangkat, ubat-ubatan dan lain-lain perkara termasuk pentadbiran hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lagi tetapi saya harap Kerajaan akan mengambil satu langkah yang sesuai di mana kita boleh mengatasi masalah kekurangan doktor, tidaklah selalu hendak meluluskan undang-undang untuk memaksa doktor-doktor kita berkhidmat di dalam negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

#### 5.16 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap sepatah dua mengenai usul yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yakni yang berbunyi:

“Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981.”

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah amat sedar bahawa sebarang undang-undang akan tetap merupakan sekatan kepada mana-mana pihak kerana undang-undang itu pada asasnya adalah bertujuan untuk menyekat sebahagian daripada kebebasan daripada satu golongan yang di samping itu pula had atau sekatan kebebasan ini akan memberi manfaat kepada

suatu golongan yang lain, mungkin golongan yang lain ini adalah merupakan satu golongan yang lebih besar daripada golongan yang merasai sekatan dan had-had tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesebuah negara yang demokrasi saya adalah merupakan salah seorang yang memang tidak menyetujui kiranya wujud satu keadaan di mana sekatan-sekatan atau had-had itu hanya merupakan sekatan-sekatan tanpa memperhetongkan tujuan dan matlamat keseluruhannya. Di dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun mungkin sepantas lalu, selintas pandang mungkin terasa oleh pihak-pihak yang berkenaan bahawa ini adalah merupakan satu sekatan dalam erti kata mereka yang terlibat adalah diminta untuk berkhidmat kepada negara ini selama tiga tahun. Manakala perkhidmatan mereka itu tempoh tiga tahun yang diminta itu adalah merupakan sebagai satu pengorbanan yang besar daripada mereka itu tetapi pada masa yang sama tempoh tiga tahun itu mungkin merupakan ribuan tahun man hours perkhidmatan yang dapat mereka itu berikan; apatah lagi kalau dikira atau dibanding atau dilihatkan bahawa negara ini memang sangat-sangat kekurangan doktor. Maka hakikat ini amat dirasai sekali di dalam kawasan-kawasan luar bandar di mana kadangkala bukannya penduduk-penduduk sekadar 20,000 akan menikmati seorang doktor—perkhidmatan daripada seorang pegawai kesihatan tetapi tidak kurang juga misalnya di kawasan saya Tanah Merah, Kelantan kita hanya mempunyai seorang doktor sahaja walhal penduduknya adalah melebihi 80,000 orang nyawa. Hakikat ini dapat diwujudkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran khasnya Kementerian Pelajaran kerana adanya kuatkuasa peruntukan seksyen-kecil (3) seputrimana yang tersebut ini. Kiranya selepas 1hb Oktober 1981 penguatkuasaan itu telahpun berlarutan, ertiinya tidak terpakai lagi tanpa usul hari ini dibuat dan disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini mungkin 80,000 nyawa tersebut tidak akan menikmati sebarang pegawai kesihatan lagi seputrimana pernah dirasai sebelum wujudnya Akta Perubatan 1971 ini. Jadi, jelas bahawa walaupun usul ini merupakan satu bebanan yang kecil kepada satu pihak yang kecil tetapi adalah merupakan satu nikmat

yang besar kepada sebahagian besar daripada penduduk di negara ini.

Satu aspek lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memaksa kalau terdapat mana-mana pihak sama ada daripada golongan doktor ataupun daripada golongan mana-mana profesion sekalipun hatta kepada rakyat biasa yang ingin berhijrah daripada negara ini kepada negara-negara lain, kerana manusia adalah bebas hendak ke mana sekalipun dan kita tidak menghalang mereka itu kalau mereka itu tidak ingin tinggal menetap di negara ini sama ada seorang itu seorang doktor atau seorang itu daripada rakyat biasa. Tetapi apa yang menjadi masalah kepada kita hari ini, di saat negara memerlukan doktor, di saat negara memerlukan golongan pakar-pakar, di saat negara memerlukan golongan-golongan iktisas di bidang-bidang yang tertentu maka apakah layaknya, apakah munasabahnya orang-orang yang telah dilahirkan di negara ini, orang-orang yang telah dibesarkan di negara ini, orang-orang yang telah mendapat nikmat daripada hasil titik peluh termasuk pak-pak tani yang memerlukan rawatan kedoktoran ini apabila mereka itu tamat dan telah dapat berdiri di atas kaki sendiri membuat keputusan untuk mengatakan selamat tinggal kepada negara ini.

Di dalam hakikat inilah, di dalam konteks inilah, Tuan Yang di-Pertua, maka tidak keterlaluan kiranya terdapat golongan-golongan atau orang-orang di negara ini mempersoalkan ketaatsetiaan orang-orang seperti ini. Di dalam pada itupun oleh sebab memandangkan bahawa adalah menjadi hak asasi manusia hendak berhijrah ke mana-mana sekalipun. Kita tidak marah, saya tidak marah, Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang hendak berhijrah, tetapi kita memberi amaran kepada golongan ini kiranya negara adoption mereka ini, suatu perkara yang berlaku kepada negara itu kelak, maka orang seperti ini kita tidak ingin menerima kembali ke negara ini. Perkara ini telah berlaku semasa Perperangan Jepun dahulu. Ada golongan setelah Jepun menakluki negara ini lari ke negara-negara lain dan kononnya apabila Jepun menyerah kembali semula. Untuk membina negara ini sejarah telah cukup rasanya pada hari ini di dalam keadaan negara kita ini sekarang sedang berusaha

menambahkan bilangan-bilangan doktor melalui Fakulti Kedoktoran dan Perubatan di Universiti Kebangsaan, melalui Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia dan begitu juga usaha-usaha lain yang dijalankan oleh Kerajaan dan rakyat yang setia kepada negara ini, rasanya mungkin setelah tempoh lima tahun yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri ini tamat nanti, mungkin perkara ini tidak perlu dilanjutkan dan mungkin pada masa itu kita tidak akan risau lagi masalah kekurangan-kekurangan doktor atau sebagainya sebagaimana yang kita rasai pada hari ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya selain daripada memikirkan soal meminta doktor-doktor yang baru ini berkhidmat selama tiga tahun dengan Kerajaan, apakah salahnya difikirkan juga bahawa doktor-doktor swasta yang berkhidmat di negara ini, doktor-doktor pakar umpamanya diminta berkhidmat di dalam jangkamasa yang tertentu dengan pihak Kerajaan yakni melalui hospital-hospital Kerajaan kerana ini perlu ketidakpuasan hati golongan doktor-doktor ataupun doktor-doktor sendiri sama ada dari segi perkhidmatan, sama ada dari segi gajinya atau sebagainya.

Di dalam masalah ini rasa saya patut benar pihak Kementerian Kesihatan sentiasa menyemak kembali, jangan hanya menyemak kembali dalam masa 5 tahun sekali dari segi penyemakan gaji sebagaimana yang dibuat terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang lain kerana tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan kedoktoran ini merupakan satu perkhidmatan sepenuh masa, satu perkhidmatan full-time, maka dengan ini mungkin ketaatsetiaan dan juga dedikasi mereka itu atau dedikasi yang diperlukan oleh golongan doktor ini adalah berbeza-beza, mungkin berbeza daripada yang dipinta atau yang diperlukan dari bidang-bidang yang lain. Maka saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji keseluruhannya bukan sahaja mengkaji kenapa setengah-setengah orang suka lari ke negara yang lain—ini tidak payah dikajikan, tetapi terpaksa kita kajikan, kadang-kadang doktor-doktor yang mendapat biasiswa

Kerajaan sendiri walaupun mereka itu mengikat janji dengan Kerajaan untuk berkhidmat kadang-kadang 5 tahun dan tidak kurang pula berkhidmat 3 tahun dengan Kerajaan, tetapi mereka itu setelah 2 tahun berkhidmat dengan Kerajaan ataupun setelah 3 tahun berkhidmat dengan Kerajaan tanpa memperhitungkan kontrak mereka itu, tanpa memperhitungkan faktor-faktor yang lain, ramai di antara mereka ini cabut daripada hospital-hospital Kerajaan. Kenapa mereka ini cabut? Kenapa mereka ini, kita tidak boleh samakan dengan mereka atau golongan-golongan ikhtisas yang lari daripada negara ini yang dikatakan sebagai the brain drain, tetapi mungkin mereka yang lari daripada hospital-hospital Kerajaan walaupun mereka itu dengan rasminya atau legally adalah masih terikat dengan Kerajaan. Mengapa mereka ini lari mungkin sesuatu yang menyebabkan mereka itu lari, mungkin panggilan kewangan ataupun seruan-seruan daripada bidang-bidang yang lain.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita hendak menyekat doktor-doktor yang baru ini selama 3 tahun berkhidmat dengan Kerajaan maka hendaklah juga kita mempunyai pagar yang cukup supaya sekurang-kurangnya doktor-doktor yang sepatutnya yang dipunyai sekurang-kurangnya 7 tahun oleh Kerajaan atau dipunyai, dipagar—saya tidak mengatakan diikat, tetapi cuba dipagar supaya mereka ini tidak lari daripada perkhidmatan, apatah lagi mengingatkan bahawa mereka itu dari segi undang-undang adalah terikat dengan perjanjian dengan Kerajaan.

Dengan ini, saya mohon menyokong usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.20 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong usul yang saya bawa semalam di bawah Seksyen 19(3) Akta Perubatan, 1971 dan ingin

menjawab kepada beberapa teguran yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menggesa supaya syarat-syarat dan taraf perkhidmatan doktor-doktor dikaji semula dan perkara ini juga disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan agar ianya dijadikan setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran untuk peluang-peluang kenaikan pangkat. Taraf ini sebenarnya telahpun dikaji oleh Jawatankuasa Gaji Kabinet dan sebagai seorang Ahli Jawatankuasa tersebut, saya merasa gembira untuk menyatakan bahawa kebanyakannya daripada perakuan-perakuan Kementerian Kesihatan telahpun diterima. Ianya adalah sedang dilaksanakan khususnya mengenai kenaikan taraf jawatan-jawatan untuk doktor-doktor dan pakar-pakar. Jawatan Ketua Pengarah Kesihatan misalnya, telahpun dinaikkan tarafnya dari Tingkat Tertinggi 'A' ke Tingkatan Turus III. Satu jawatan yang baru bagi Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan telahpun diujudkan di jawatan Tingkatan Tertinggi 'A'. Sebilangan yang besar bagi jawatan-jawatan yang lain telahpun juga dinaikkan tarafnya di mana urusan kenaikan pangkat adalah sedang diteruskan untuk mengisinya.

Walaupun ianya mungkin benar dahulu bahawa peluang-peluang kenaikan pangkat ini terhad, saya merasa gembira untuk memaklumkan di Dewan ini bahawa keadaannya adalah bertambah baik sekarang. Apa yang disifatkan sebagai penghijrahan cerdik pandai ataupun "brain drain" itu walau bagaimanapun adalah suatu perkara yang tidak dapat kita elakkkan dalam sistem Kerajaan kita yang demokratik. Proses pembangunan itu sendiri yang telahpun diusahakan oleh Kerajaan melalui rancangan-rancangan lima tahunnya yang terus menerus telah membawa kepada perluasan pesat dalam sektor awam dan sektor swasta. Kita tidak seharusnya menggalakkan sektor swasta jika ingin menafikan keperluan tenaga kakitangan profesional untuknya pula. Dengan itu pegawai-pegawai professional, termasuk doktor-doktor, akan berhijrah ke sektor swasta juga lebih-lebih lagi dengan penubuhan banyak hospital-hospital swasta, rumah-rumah perawatan dan klinik-klinik persendirian.

Perkembangan ini tidaklah boleh dianggap sebagai merugikan negara kerana rakyat umum mempunyai hak bagi memilih apakah perkhidmatan perubatan yang ingin mereka perolehi untuk diri mereka. Perhatian Kementerian Kesihatan yang utama walau bagaimanapun ialah supaya perkhidmatan kita mudah diperolehi oleh semua, khususnya mereka yang miskin dan kurang berupaya.

Terdapat juga beberapa orang doktor yang mana dengan sebab-sebab mereka yang tersendiri memilih untuk berhijrah ke luar negeri. Sekali lagi di sini, tidak ada undang-undang bagi mencegah penghijrahan ini. Ianya adalah terletak kepada budi bicara mereka sendiri sama ada untuk kekal berkhidmat di negara ini ataupun tidak. Memanglah benar untuk menyatakan bahawa profesion perubatan ialah suatu profesion yang bergerak atau pun "mobile". Lain-lain negara juga mempunyai pengalaman ini.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa para doktor patut berhubung rapat dan saling bertindak dengan masyarakat. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Kesihatan yang ingin memberikan pelajaran kesihatan dan pencegahan yang lebih baik kepada individu-individu dan masyarakat supaya kesedaran yang lebih dapat disemaikan iaitu kesihatan yang baik itu bukan sahaja merupakan tanggungjawab Kementerian, tetapi individu-individu itu juga.

Untuk perubatan tradisional pula, Seksyen 34(1) Akta Perubatan, 1971 jelas menguntukkan bahawa amalan perubatan ini, sama ada Melayu, China, India atau lain-lain jenis perubatan tradisional, adalah boleh terus diamalkan. Kementerian Kesihatan mempunyai pandangan yang terbuka mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat mungkin maklum tentang berbagai kesulitan bagi mengujudkan satu sistem perubatan tradisional di negara ini dengan adanya perbezaan keturunan dan kebudayaan.

Mengenai pembahagian doktor-doktor di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar-bandar, sekali lagi dasar Kementerian ialah untuk mencapai perseimbangan yang lebih baik bagi kedua-dua sektor ini. Rancangan

kerja-kerja kita termasuklah pembinaan hospital-hospital daerah yang baru di kawasan-kawasan yang mana hospital belum diujudkan lagi, membaharui hospital-hospital yang lama dan menubuhkan lebih banyak Pusat-pusat Kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar. Matlamat kita ialah untuk mengadakan sebuah hospital di tiap-tiap daerah. Ini akan dapat menentukan kemudahan-kemudahan untuk doktor-doktor dapat diadakan bagi memberi khidmat kepada penduduk luar bandar. Mengenai Hospital-hospital Besar pula, ianya tidaklah dapat di nafikan bahawa lebih ramai doktor-doktor pakar dan doktor-doktor ditempatkan di situ kerana ianya menjadi pusat-pusat rujukan untuk kes-kes yang lebih rumit. Pada kadar perkembangan kita sekarang tidak ada kemungkinan semua Hospital-hospital Daerah dapat ditempatkan dengan semua pakar-pakar ini.

Kita memang memberi latihan kepada doktor-doktor kita di kawasan-kawasan persekitaran luar bandar juga. Dasar kita sekarang ialah untuk menempatkan doktor-doktor untuk bertugas di kawasan-kawasan ini, untuk berkhidmat di Pusat-pusat Kesihatan Besar ataupun Hospital-hospital Daerah dalam tempoh perkhidmatan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan soalan rawatan kesihatan untuk murid-murid sekolah di bandar-bandar dan kawasan-kawasan setinggan. Kedua-duanya, iaitu Kerajaan-kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan sedar tentang masalah ini di mana beberapa rancangan sedang diusahakan untuk rawatan kanak-kanak ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan kerjasama ibu-bapa dan penjaga-penjaga, bagi mempastikan anak-anak mereka yang memerlukan rawatan yang mudah seperti untuk cacing dan penyakit mata supaya datang mendapatkan rawatan ini. Mereka adalah bertanggungjawab untuk datang bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan ini sebagaimana jua kita bertanggungjawab untuk memberikannya.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyatakan bahawa taraf kesihatan kita telah bertambah buruk membandingkan nisbah doktor-doktor kita berbanding dengan

penduduk tidak diperbaiki. Walau bagaimanapun orang yang jelas penglihatannya yang tidak dikaburi oleh kepentingan-kepentingan politik mereka sendiri, seperti Ahli-ahli dari Petaling, Keluang dan Menglembu, pasti akan dapat mengakui bahawa kita telahpun dapat meluaskan perkhidmatan kesihatan dengan begitu pesat sejak kita mencapai kemerdekaan dan khususnya juga pada tahun-tahun yang kebelakangan ini. Proses perluasan itu sendiri telah membawa kepada beberapa kekurangan ini. Kita boleh berbangga mempunyai doktor-doktor yang cukup kiranya kita tidak bergerak ataupun maju. Matlamat pencapaian kita hendaklah tetap tinggi bagi memenuhi harapan dan keinginan yang semakin meningkat daripada rakyat. Dengan itu kita haruslah menghadapi kekurangan-kekurangan ini dengan cuba berusaha untuk mengatasinya dari menyekat perluasan dan kemajuan perkhidmatan ini. Angka-angka kita yang terbaru menunjukkan bahawa nisbah sekarang ialah seorang doktor untuk 3,820 penduduk bagi keseluruhan negara.

Beliau dan Ahli Yang Berhormat dari Seremban sekali lagi telah merujuk kepada Laporan Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia yang mereka dakwa telah saya ketepikan. Saya perlu mengingatkan mereka bahawa usul mereka bagi membahaskan Laporan ini di Dewan ini telah ditolak oleh Dewan yang mulia ini pada 18hb Jun, 1980. Mereka tidak boleh menuduh sekarang bahawa Laporan tersebut telah tidak diberi perhatian yang wajar. Kami dalam Barisan Nasional adalah jelas dalam pandangan kami ke arah langkah mana yang harus kami ambil. Mereka tidaklah boleh berharap untuk mengelirukan kami ke arah langkah-langkah ini.

Saya telah menyatakan tadi bahawa urusan kenaikan pangkat adalah sedang dijalankan bagi mengisi kekosongan-kekosongan jawatan yang telah dinaikkan taraf. Kematian mendiang Ketua Pengarah Kesihatan yang lalu tidak menghalang urusan ini dan adalah amat mendukacitakan sekali untuk beliau mengatakan bahawa kedudukan perkara ini telah dibekukan disebabkan oleh kematian beliau baru-baru ini.

Beliau juga telah menyentuh mengenai pelajaran ijazah lanjutan ataupun pelajaran perubatan lanjutan. Memanglah benar sebagaimana yang saya nyatakan baru-baru ini bahawa saya akan mengemukakan beberapa cadangan kepada Kerajaan mengenai perkara ini. Malahan saya telahpun mengusahakan sedemikian dengan memperolehi pendapat-pendapat bersama Kerajaan mengenai perkara yang kontroversial ini. Hasilnya, sekali lagi saya akan berunding dengan beberapa institusi yang berkenaan tidak lama lagi bagi mengemukakan pendapat ini kepada mereka. Masalah kita yang utama ialah walau apapun kursus-kursus ijazah lanjutan yang kita jalankan, ianya hendaklah memenuhi kehendak-kehendak tempatan, daya tenaga dan pemikiran tempatan. Sebelum perundingan-perundingan lanjut ini, saya tidak ingin menyentuh perkara ini setakat ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah merujuk kepada kematian seorang kanak-kanak di Melaka pada bulan Mei tahun ini yang mana beliau menuduh adalah akibat dari kelalaian beberapa anggota kakitangan Hospital Besar di sini. Saya telahpun mengarahkan supaya kejadian ini disiasat. Mengikut laporan awal, kanak-kanak yang berkenaan telahpun diberikan segala pertolongan yang boleh oleh kedua-dua pihak ambulan dan kakitangan hospital. Ambulan tersebut telahpun dilengkapkan dengan alat pemulihan nafas (resuscitation kit). Kanak-kanak yang malang ini telah tenggelam dalam sebesen air dan tidak bergerak lagi semasa rawatan diberikan. Walaupun Pembantu Hospital yang mengiringi ambulan ini cuba menjalankan langkah-langkah pemulihan nafas, kanak-kanak ini tidaklah dapat diselamatkan. Kematian seperti ini akan disiasat walaupun tanpa dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menggesa tentang perlunya galakan-galakan diberikan untuk latihan. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau yang telah meminta supaya doktor-doktor di luar negeri sekarang kembali untuk berkhidmat di negara ini. Beliau telah merujuk kepada lawatan saya ke Republik Rakyat China baru-baru ini di atas undangan Kerajaan di sana bagi menyaksikan

perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di negara tersebut. Saya akan membuat laporan yang rasmi kepada Kerajaan mengenai lawatan tersebut. Apa yang dapat saya nyatakan setakat ini ialah dasar kita dalam mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan untuk rakyat adalah masih tetap kukuh dan kuat. Dasar ini tidak akan diubah, walau apapun sistem yang kita lihat. Mengenai amalan acupuncture, Kementerian Kesihatan telah menghantar dua orang doktor ke negeri China untuk latihan dalam bidang ini baru-baru ini. Kita sedang menilaikan projek permulaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Panti dan Tanah Merah menyentuh ketaatan doktor-doktor yang telah meninggalkan negara ini. Seperti yang saya sebutkan tadi, ini adalah terletak kepada pandangan dan dorongan masing-masing dalam berbuat demikian. Kita tidak ada mempunyai undang-undang bagi mencegah doktor-doktor, atau sesiapapun, dari meninggalkan negara ini dan kiranya mereka layak, tidak ada apa-apa yang mencegah mereka dari mendaftar sebagai doktor-doktor di luar negeri. Kementerian Kesihatan tidaklah mempunyai kuasa untuk mempersoalkan hak mereka ini.

Doktor-doktor kontrak pada keseluruhannya telahpun menjalankan tugas-tugas ikhtisas mereka dengan memuaskan. Walau bagaimanapun kita boleh menamatkan kontrek mereka seandainya perkhidmatan mereka terbukti tidak memuaskan. Kita mestilah ingat bahawa beberapa orang daripada doktor-doktor ini telahpun ditawarkan kepada kita melalui Kerajaan-kerajaan berkenaan. Dengan itu kita haruslah berterima kasih kepada mereka kerana sanggup memberikan kerjasama dan bantuan pada saat-saat apabila kita memerlukannya.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga telah meyentuh mengenai masalah-masalah beberapa kekurangan doktor di Kota Tinggi. Langkah-langkah untuk jangkamasa panjang akan bergantung kepada latihan doktor-doktor kita sendiri secara tempatan. Saya merasa gembira untuk menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains telahpun memberikan sambutan yang amat

positif kepada permintaan saya supaya lebih banyak tempat-tempat diadakan untuk latihan penuntut-penuntut perubatan.

Mengikut rancangan sekarang, pengambilan penuntut untuk perubatan menjelang tahun 1986 ialah seramai 160 untuk Universiti Malaya, 192 untuk Universiti Kebangsaan dan 60 untuk Universiti Sains. Bersama-sama dengan kira-kira 130 graduan dari luar negeri, kita akan mempunyai seramai kira-kira 452 orang doktor baru setahun menjelang tahun 1986 dengan menganggap kadar kelulusan yang tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga telah menyentuh tentang kejadian di mana mayat-mayat dikehendaki menjalani pembedahan post-mortem. Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa post-mortem ini ialah satu proses yang dikehendaki oleh undang-undang, khasnya di mana kejadian ini timbul dari kemalangan oleh kerana kadangkala kes-kes ini dirujukkan kepada mahkamah dan pihak Polis juga hendak bukti dengan jelasnya sebab-sebab kematian ini dan ada kalanya juga *post mortem* ini tidak boleh dijalani pada masa malam oleh kerana doktor-doktor mestilah membuat pembedahan ini dengan cara yang terus terang supaya sebab-sebab kematian ini adalah jadi pokok dalam kes-kes yang tertentu. Tidaklah benar dikatakan bahawa kita memberi keistimewaan kepada orang asing dan tidak memberi layanan yang sama kepada penduduk di negara ini khasnya orang-orang Islam. Sebenarnya semua Ketua Pengarah di negeri-negeri sudah mendapat arahan bahawa kita mesti menyediakan pembedahan post-mortem ini supaya tidak menjadi satu masalah kepada keluarganya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya hendak menolak dengan kerasnya tuduhan yang liar dan yang tidak bertanggungjawab yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang yang menyatakan dalam bahasa beliau sendiri bahawa hospital-hospital kita ialah seperti "licensed death houses". Saya anggap ini satu tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab dan saya merasa dukacita

bahawa seorang Ahli Yang Berhormat boleh mengatakan sedemikian dalam Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat dari kawasan Keluang beliau senantiasa meminta pertolongan saya supaya menghantar lebih ramai lagi doktor-doktor ke kawasan beliau dan beliau hendaklah menentukan sikap beliau sama ada dia percaya kepada doktor-doktor ataupun mengatakan doktor-doktor ini sebagai menjalani "licensed death houses". Saya harap bahawa beliau janganlah memainkan politik di dalam Dewan yang mulia ini kerana ini adalah satu perkara yang sangat serius. Bagi pihak semua doktor dan kakitangan yang bekerja dengan dedikasi dan dengan penuh semangat, saya menolak tuduhan yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nampaknya saya sudah mengambil masa yang panjang lebar juga untuk memberi jawapan, saya tidak akan menyentuh tentang pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kangar, Seremban dan Tanah Merah dengan panjang lebar lagi melainkan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka dan saya akan mengambil perhatian tentang apa yang mereka jelaskan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan. Soalnya iaitu satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat ketetapan bahawa mengikut peruntukan seksyen-kecil (3) seksyen 39 Akta Perubatan 1971, Bahagian VII Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1981.

## RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.53 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat, 1972" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Timbang dan Sukat, 1972 ialah suatu Akta yang bertujuan mengadakan unit-unit sukatan dan piawai-piawai jisim dan sukat berdasarkan Sistem Unit Antarabangsa atau Sistem Metrik serta membuat peruntukan-peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya. Akta tersebut telah memperuntukkan tempoh masa 10 tahun untuk Malaysia menukarkan ke Sistem Metrik sepenuhnya iaitu selewat-lewatnya pada 30hb Mac, 1982.

Sebelum Akta ini diluluskan, piawai-piawai jisim dan sukat yang digunakan di Malaysia dibuat di bawah Enakmen-enakmen dan Ordinan-ordinan Timbang dan Sukat Negeri-negeri. Piawai-piawai ini berdasarkan sistem 'Imperial' dan unit sukatan yang 'tradisional' seperti gantang, kati, relong dan lain-lainnya.

Sejak Akta Timbang dan Sukat, 1972 diluluskan langkah-langkah telah diambil untuk melaksanakan Sistem Metrik di Malaysia secara berperingkat-peringkat. Kejayaan yang dicapai dalam hal ini boleh dikatakan memuaskan. Kemajuan ini boleh dibahagikan kepada sektor Kerajaan dan sektor swasta.

Di sektor Kerajaan banyak agensi-agensi Kerajaan telahpun bertukar ke sistem metrik dalam urusan-urusannya seperti Perkhidmatan Pos yang bertukar ke sistem metrik sejak bulan Januari 1975, dan Perkhidmatan Kajicuaca sejak tahun 1978. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga sejak tahun 1978 dan Jabatan itu telahpun mengeluarkan buku tarif Kastam baru dalam sistem metrik. Lain-lain agensi Kerajaan yang telah menggunakan sistem metrik ialah Lembaga-lembaga Pelabuhan, Keretapi

Tanah Melayu, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Percetakan Negara dan Jabatan Pemetaan.

Di bidang pengangkutan jalanraya, perlaksanaan penggunaan sistem metrik sepenuhnya dijangka akan dicapai menjelang tahun 1982. Pada masa sekarang semua tanda-tanda jalanraya dan jarak jauh di semua jalan-jalan besar dan lebuhraya yang baru telah menggunakan sistem metrik. Tindakan sedang diambil oleh Jabatan Kerjaya dan juga Pengguna-pengguna Tempatan untuk mengadakan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dengan had laju dan lain-lain yang berkaitan sebelum penguasaan penggunaan sistem metrik sepenuhnya pada 1hb Januari, 1982.

Di bidang pelajaran, sistem metrik telah berjalan lancar dan telah hampir sepenuhnya digunakan dalam buku-buku teks dan kurikulum sekolah. Sistem metrik digunakan dalam semua matapelajaran di sekolah-sekolah rendah mulai tahun 1981. Di sekolah-sekolah menengah, vokasional dan teknik pula, sistem metrik digunakan dalam mata-mata pelajaran hisab, sains dan teknik. Adalah dijangkakan bahawa mata-mata pelajaran yang berkaitan akan bertukar sepenuhnya ke sistem metrik menjelang tahun 1982.

Perlaksanaan sistem metrik di sektor swasta pula adalah menggalakkan. Industri-industri, khasnya yang besar-besaran dan mempunyai hubungan antarabangsa, telah dengan sukarela bertukar ke sistem metrik kerana dengan berbuat demikian mereka dapat menambahkan perniagaan dengan negeri-negeri lain yang telah atau sedang bertukar ke sistem metrik. Industri-industri petroleum juga telah mula menggunakan sistem metrik sejak tahun 1976 lagi, manakala industri-industri pembuat barang-barang kelengkapan pejabat dan alat-alat tulis serta percetakan telah menggunakan sistem metrik sejak awal tahun 1979.

Di bidang perniagaan borong dan runcit boleh dikatakan semua pasar raya (supermarkets) telahpun menggunakan sistem metrik mulai tahun 1976 dan penukaran sepenuhnya ke sistem metrik di bidang perniagaan borong dan runcit ini akan

dicapai pada akhir tahun ini apabila semua alat-alat timbang dan sukat menggunakan hanya unit-unit metrik sahaja. Bidang perniagaan borong dan runcit ini akan menggunakan sistem metrik sepenuhnya mulai pada 1hb Januari, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, semasa melaksanakan penukaran ke sistem metrik Kementerian saya mendapati beberapa perkara yang perlu diperkemas dan diteliti untuk melicinkan lagi pengawalan dan pentadbiran timbang dan sukat serta perlaksanaan sistem itu. Salah satu langkah untuk mempermudah perlaksanaan sistem metrik ialah dengan meminda Akta Timbang dan Sukat 1972. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat dua pindaan utama dalam Rang Undang-undang ini iaitu:

- (a) Pindaan ke atas Seksyen Kecil 1 Seksyen 6 Akta asal untuk memberi kuasa kepada Menteri menentu (verify) dan memperakui (certify) Piawai-piawai Utama Malaysia mengikut cara yang difikirkan sesuai. Peruntukan yang sedia ada memerlukan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakui mengikut syarat-syarat Piawai Jisim dan Sukat Prototaip (Prototype) Antarabangsa di bawah Kawalan Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat yang beribu pejabat di negeri Perancis. Kerajaan selepas mengkaji dengan teliti mendapati bahawa peraturan seperti ini adalah tidak praktikal kerana untuk mendapatkan penentuan dan pengakuan dari Biro tersebut akan mengambil masa yang panjang. Selain daripada itu pengalaman beberapa negara yang telah menukar ke sistem metrik menunjukkan peraturan ini adalah tidak perlu. Tambahan pula, Malaysia bukan ahli kepada Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat. Walau bagaimanapun, dengan pindaan ini ia membolehkan Piawai-piawai Utama Malaysia ditentukan dan diperakurkan oleh sesebuah negara yang menjadi ahli kepada Biro Antarabangsa itu di mana Piawai-piawai Malaysia adalah diperolehi dari negeri itu. Dengan itu tidak perlulah Malaysia menghantar Piawai Utamanya untuk penentuan dan

pengakuan oleh Biro Antarabangsa itu kerana Piawai Utama yang diperolehi telah memenuhi syarat-syarat Piawai Jisim dan Sukat Prototaip Antarabangsa.

- (b) Pindaan ke atas Seksyen Kecil 1 Seksyen 26 Akta asal iaitu berkenaan dengan perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa Akta ini. Peruntukan yang sedia ada memerlukan pegawai-pegawai merinyu dilantik untuk menguatkuaskan Akta ini. Memandangkan Bahagian Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai bilangan pegawai-pegawai yang cukup serta sesuai bagi menguatkuasakan Akta ini, Kerajaan berpendapat bahawa kerja-kerja menguatkuasa Akta ini boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menerangkan tujuan-tujuan diadakan pindaan itu mengikut Fasal.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan mengeluarkan takrif perkataan ‘Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat’ sejajar dengan pindaan yang disyorkan untuk Seksyen 6.

Fasal 3 dan Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen Kecil (1) Seksyen 6 dan Seksyen Kecil (1) Seksyen 10 iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri menentu dan mengakui Piawai-piawai Utama Malaysia mengikut cara yang difikirkannya sesuai supaya ia dapat dijalankan dengan lebih senang dan cepat lagi. Selaras dengan pindaan itu, perkataan ‘peroto’ yang terdapat dalam Seksyen Kecil (2) Seksyen 6 adalah dikeluarkan kerana Piawai-piawai Utama Malaysia tidak lagi merupakan salinan yang asal yang dikeluarkan oleh Biro Antarabangsa Timbang dan Sukat.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen Kecil (1) Seksyen 7 untuk menjadikannya selaras dengan perenggan (a) Seksyen Kecil (2) Seksyen 29. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sementara Seksyen Kecil (1) Seksyen 7 yang sedia ada menetapkan bahawa penentuan dan pengakuan bagi Piawai-piawai Kedua

hendaklah mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri melalui Pemberitahu dalam Warta. Sebaliknya Perenggan (a) Seksyen Kecil (2) Seksyen 29, menetapkan, antara lain supaya penentuan dan pengakuan itu dibuat melalui peraturan-peraturan. Di samping itu, Fasal ini juga bertujuan memerlukan Menteri menyedia dan menyelenggarakan Piawai-piawai Kedua bagi Jisim dan Sukat yang hanya dianggap sesuai oleh Penyimpan Timbang dan Sukat (iaitu SIRIM) dan tidaklah untuk semua timbang dan sukat yang dinyatakan di Jadual Kedua mengikut peruntukan yang ada sekarang. Ini adalah disebabkan Kerajaan mendapati adalah terlalu banyak dan sukar bagi Menteri menyelenggarakan kesemua timbang dan sukat itu.

Beginu juga Fasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan mengemasukkan Seksyen Kecil (1) Seksyen 8 supaya ia adalah selaras dengan perenggan (a) Seksyen Kecil 2 Seksyen 29. Seksyen Kecil (2) Seksyen 8 Akta asal juga akan dipindah melalui Fasal ini atas sebab-sebab yang mana seperti di atas.

Fasal 7 Rang Undang-undang ini pula bertujuan meminda Perenggan (b) Seksyen Kecil (1) Seksyen 12 dan Perenggan (b) Seksyen Kecil (2) Seksyen 12 Akta asal berbangkit dari pindaan terhadap Jadual Kedua Akta ini. Pindaan ini akan memperuntukan iaitu penggunaan sukat isipadu berdasarkan ‘liter’ adalah sah digunakan sebagai sukat untuk perdagangan oleh kerana unit sukatan ini telahpun diterima sebagai unit sukat isipadu bagi perdagangan antarabangsa.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini cuma bertujuan meminda nota birai (marginal note) di Seksyen 18 Akta asal supaya ianya memberi maksud yang sebenarnya bagi Seksyen tersebut.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini pula bertujuan memansuhkan Seksyen 24 Akta asal kerana seksyen ini mengecualikan pembancuhan atau penentuan dadah (drug) atau ubat daripada menggunakan unit metrik. Tetapi ini didapati tidak sesuai lagi kerana penggunaan sistem metrik telahpun dilaksanakan hampir sepenuhnya dalam penentuan dan pembancuhan drug atau ubat.

Fasal 10 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, Timbalan-timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor-inspektor Timbang dan Sukat. Ini adalah untuk membolehkan Menteri melantik pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya untuk menjalankan kewajipan-kewajipan penguatkuasaan Akta ini seperti yang saya nyatakan tadi.

Fasal 11 pula bertujuan menyatakan dengan lebih jelas lagi lesen-lesen yang boleh dikeluarkan oleh Ketua Inspektor Timbang dan Sukat iaitu lesen untuk membuat, menjual atau membaiki alat-alat timbang dan sukat di bawah Seksyen 27 Akta asal.

Fasal-fasal lain iaitu Fasal 12, 13 dan 14 masing-masing adalah bertujuan menyelaraskan penggunaan perkataan-perkataan, menambahkan unit asas di Bahagian I Jadual Pertama Akta asal dan membetulkan ejaan kepada istilah-istilah yang digunakan.

Akhir sekali Fasal 15 bertujuan membetulkan kesilapan perkeranian (clerical errors) dalam teks Bahasa Malaysia kepada Akta asal.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa perlaksanaan sistem metrik serta pengawalan dan pentadbiran berhubung dengan hal-hal timbang dan sukat di negara ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur, maka adalah perlu bagi pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dibuat kepada Akta Timbang dan Sukat 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.07 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Speaker, izinkan saya memberi sedikit pandangan secara pendek mengenai Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan), 1981 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya suka menerangkan di sini ialah sungguhpun saya sedar dan rakyat juga sedar bahawa Malaysia sebagai ahli komuniti antarabangsa hendaklah mengambil langkah mengikut zaman moden, zaman yang baru berkenaan dengan kegunaan timbang dan sukat untuk menggunakan sistem metrik, akan tetapi apa yang saya mengharapkan ialah bahawa masa yang cukup hendaklah diberi kepada rakyat untuk membolehkan rakyat untuk berfikir dalam ertikata metrik (to think metric). Sungguhpun saya sedar dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada mengatakan bahawa pihak Kementerian ada menjalankan beberapa kempen publisiti untuk menerangkan tentang penukaran dari piawaian sistem Imperial (Imperial Standards) ke sistem metrik akan tetapi saya berharap bahawa pihak Kementerian berkenaan akan memberi perhatian yang berat terhadap satu permintaan daripada persatuan-persatuan khasnya Persatuan Penjaja di mana ahli-ahlinya ada menggunakan sistem metrik.

Di sini suka saya mencadangkan bahawa pihak Kementerian, khasnya pegawai-pegawai yang berkenaan dapat mengambil inisiatif untuk membantu sepenuh Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil dalam eksais untuk membolehkan membantu mereka untuk adjust ke dalam sistem yang baru.

Selain daripada ini, saya berharap bahawa dari segi penguatkuasa, Pegawai-pegawai Penguatkuasa apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan dan hendak dikuatkuasakan, saya harap bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa boleh bersikap bertimbang rasa dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Setapak.

6.12 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk hendak menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 ini.

Satu cadangan kepada pihak Kementerian supaya menjalankan kempen besar-besaran apabila menjalankan perubahan kepada sistem metrik untuk hendak mengelakkan orangramai jangan tertipi apabila mereka membeli barang-barang secara retail daripada pihak penjual. Kita semua sedia maklum, terutama sekali orang-orang di luar bandar, orang kampung selalu tertipi oleh peniaga-peniaga ataupun peraih-peraih yang mana mereka menuplasikan memberi kekurangan harga dengan berat yang kurang juga dan selalu perkara ini berlaku di kalangan orang-orang kampung, terutama sekali orang-orang Melayu.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, satu sistem yang baru saya percaya kalau untuk hendak melaksanakan, pihak Kerajaan hendaklah mengadakan satu cara kempen daripada satu peringkat ke satu peringkat, bukan sahaja menggunakan jasa baik Kementerian Pelajaran untuk melatih ataupun memberi ilmu pengetahuan pelajaran kepada kanak-kanak tetapi yang paling penting hendaklah Kementerian ini menggunakan Persatuan Pengguna-pengguna (Consumers' Association) dan juga menggunakan badan-badan sukarela yang ada kaitannya dengan orang-orang di luar bandar dan orang ramai supaya mereka sungguh-sungguh mengetahui perubahan sistem metrik yang sedang direncanakan oleh pihak Kerajaan pada hari ini. Jadi, saya tak mahu sama sekali tiap-tiap kali pihak Kerajaan mengadakan sebarang perubahan, apa sahaja perubahan, yang akan menanggung kerugian dan yang selalu kena tipu ialah orang-orang yang di luar bandar ataupun orang-orang yang banyak membeli.

Saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

*6.15 ptg.*

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Setapak yang telah melafazkan pendapat dan cadangan yang begitu berfaedah.

Sukalah saya katakan di sini masa melaksanakan sistem metrik atau menukar kepada sistem metrik ini dijalankan selama hampir 10 tahun sebab Akta Timbang dan Sukat dikuatkuasakan pada tahun 1972 dan di dalam undang-undang itu ada ber tempoh 10 tahun untuk melaksanakan dengan sepenuhnya penukaran ke sistem metrik dan langkah-langkah untuk memberi pendidikan dan juga memberi publisiti pun telah dijalankan berperingkat-peringkat. Sukalah saya katakan di sini persiapan dan persediaan yang telah diambil ialah mengeluarkan beberapa buku panduan, risalah-risalah metrik, poster, carta-carta dan kad-kad pertukaran untuk memberi maklumat tentang pertukaran dan ini diedarkan kepada orang awam, sekolah-sekolah, firma-firma dan persatuan-persatuan seperti Persatuan Pengguna dan juga Dewan-dewan Perniagaan. Kementerian saya pun telah mengadakan seminar-seminar dan pertunjukan filem-filem di beberapa bandar di Semenanjung Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak untuk memperkenalkan perlaksanaan sistem metrik ini.

Saya juga boleh mengatakan di dalam menyempurnakan penukaran sistem ini kita mesti menggalakkan orang awam berfikir sistem metrik dan ini telahpun kita buat melalui beberapa langkah seperti poster-poster dan juga ada filem trailer yang ada ditayangkan di panggung wayang dan juga ada satu lagu metrik atau ‘jingle’ telahpun disediakan untuk disiarkan melalui radio dan televisyen. Saya harap dengan publisiti ini kita boleh memberi panduan supaya penukaran kepada sistem metrik ini boleh dijalankan dengan lebih licin.

Mengenai permintaan Persatuan Penjaja berkenaan pengharaman penggunaan dacing kayu, di sini sukalah saya katakan kita pun telah mula mengharamkan penggunaan dacing kayu mulai daripada 1hb Januari, 1981

tetapi atas permintaan Persatuan Penjaja dan orangramai, kita pun longgarkan sehingga 1hb April dan lagi sekali ditangguhan sehingga 1hb Julai. Saya harap dengan ini maka mulai daripada tahun hadapan semua dacing kayu yang digunakan di pasaran runcit dan juga borong boleh diberhentikan dan digantikan dengan ‘spring balance’ yang mana kita anggap lebih adil bagi kedua-dua pihak, baik penjual atau pembeli.

Ini sahaja saya hendak jawab dan saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 8 hingga 15—*

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Pengurus, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Fasal 10 yakni pindaan kepada Seksyen 26 Akta Ibu yang berbunyi:

“26 (1) Menteri boleh melantik seorang Ketua Inspektor Timbang dan Sukat dan beberapa orang Timbalan Inspektor Timbang dan Sukat dan Inspektor Timbang dan Sukat sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini”.

Tuan Pengurus, saya ingin mencadangkan bahawa mungkin di peringkat kebangsaan kita hanya memerlukan seseorang Ketua Inspektor Timbang dan Sukat, dan di bawah Ketua Inspektor Timbang dan Sukat ini saya

mencadangkan diadakan wilayah-wilayah di mana wilayah-wilayah ini akan diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Inspektor Timbang dan Sukat misalnya Wilayah Utara berpengkalan di Pulau Pinang ataupun Kedah. Wilayah Tengah mungkin berpengkalan di Perak dan Wilayah Selatan mungkin berpengkalan di Negeri Sembilan atau Melaka, Wilayah Timur semenanjung mungkin di Trengganu ataupun sebagainya. Di samping itu kita memerlukan lagi Wilayah Satu untuk Sabah dan Satu Khas untuk Sarawak oleh sebab-sebab geography yang tertentu.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, bagi Inspektor Timbang dan Sukat di mana mereka ini akan diletakkan di bawahnya Timbalan Ketua Inspektor yang diletakkan mengikut cadangan saya tadi di bawah wilayah-wilayah berkenaan. Bagi Inspektor-inspektor Timbang dan Sukat ini saya cadangkan buat permulaannya sekurang-kurangnya diadakan seorang bagi tiap-tiap negeri. Walau bagaimanapun, kalau-lah pihak Kementerian mempunyai keupayaan dari segi kakitangan, saya tidak menyoalkan dari segi kewangan, tetapi keupayaan dari segi kakitangan mahir dalam masalah ini maka hendaklah diletakkan ramai Inspektor Timbang dan Sukat ini kalaupun dapat seorang sekurang-kurangnya bagi tiap-tiap daerah. Kerana ini memandangkan bahawa apabila kaedah baru dipakai dan apabila dacing kayu ini tidak dibenarkan lagi dipakai maka akan timbul masalah kekeliruan. Mungkin juga ada setengah-setengah tempat penggunaan dacing kayu ini dicuri guna oleh pihak-pihak yang berkenaan dan di samping itu juga mungkin, oleh sebab sepertimana yang telah disebutkan oleh wakil dari Setapak tadi mungkin setengah-setengah pihak ataupun sebahagian besar masyarakat kita mungkin tidak mengetahui dengan mendalamnya masalah sistem metrik ini maka inilah peranan yang dijalankan oleh Inspektor-inspektor di peringkat daerah.

Dalam pada itu, tidak cukup kalau Inspektor-inspektor di peringkat daerah ini hanya sekadar seorang Inspektor sahaja maka perlu mereka ini diperbantu ataupun diberi bantuan dengan kakitangan-kakitangan yang lain kerana bagi permulaan ini kita tidak boleh

mengharapkan Inspektor-inspektor ini menetap di pejabat kerana tidak mungkin dacing ataupun alat timbang dan sukat ini akan dibawa ke pejabat malahan Inspektor-inspektor ini perlu pergi ke tempat-tempat di mana dacing dan sukat dipergunakan, dan sudah tentu terlalu banyak dacing dan sukat ini digunakan kerana kita tengok selain daripada pasar-pasar kita dapati juga kedai dan setiap kedai-kedai ini khasnya kedai runcit terutamanya menggunakan timbang dan sukat mengikut kaedah yang baru ini. Maka saya menganjurkan sebagai langkah pertama kepada Inspektor Timbang dan Sukat di peringkat daerah ini melawat tiap-tiap kedai sekali buat permulaan untuk menentukan:

- (1) bahawa dacing kayu benar-benar tidak digunakan lagi;
- (2) menentukan bahawa dacing dan sukat mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini benar-benar dacing dan sukat yang mengikut piawaian yang diluluskan oleh SIRIM. Mungkin juga setengah-setengah dacing dan sukat ini tidak diluluskan dulu oleh pihak SIRIM.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada apakah perlu semua dacing atau alat timbang dan sukat ini mendapat trade mark atau mendapat tanda kelulusan daripada SIRIM sebagai menandakan bahawa dacing ataupun alat timbang dan sukat ini benar-benar mengikut kehendak kita.

Perkara yang kedua, yang hendak saya sentuh ialah Seksyen 11:

- (1) Ketua Inspektor hendaklah menjadi pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen-lesen untuk membuat, menjual atau membaiki timbang atau sukat atau alat-alat timbang atau sukat."

Dalam hal ini, saya minta supaya langkah mengeluarkan lesen ini hendaklah disegerakan. Mungkin juga kalau hendak dikeluarkan lesen yang baru kepada kebiasaannya mengambil masa yang lama tetapi lantaran penggunaan alat-alat timbang dan sukat ini adalah merupakan satu penggunaan secara revolusi, dengan serta merta, sekarang boleh dikatakan

keseluruhannya akan menggunakannya, maka ini mungkin memerlukannya ramai penjual-penjual atau pengedar-pengedar alat-alat ini. Jadi apalah salahnya kalau sekiranya Ketua Inspektor dengan kerjasama pihak-pihak yang berkuasa tempatan sama ada Majlis-majlis Daerah ataupun Pejabat-pejabat Daerah buat sementara crash programme supaya kuasa mengeluarkan lesen alat timbang dan sukat ini dikerjasamakan dengan pihak-pihak tempatan itu supaya:

- (1) tiap-tiap alat timbang dan sukat yang diedarkan ini memang benar-benar mengikut piawaian yang dikehendaki.
- (2) seterusnya kita sedar kita tidak mungkin bagi Inspektor untuk menyiasat semua alat-alat timbang dan sukat serentak, maka eloklah kita menentukan di peringkat pengedar, pengedar-pengedar ini benar-benar orang yang trustworthy, orang-orang yang boleh diharapkan.

Tuan Pengurus, dengan ini saya menyokong Seksyen 10 dan 11 dengan beberapa teguran dan pengesyoran seperti mana yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17(1),

Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

6.30 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Yang di-Pertua, atas.....

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapat Dewan ini tidak cukup koram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa point of ordernya? Cuba kira (*Kepada Setiausaha Dewan*).

**Tuan Karpal Singh:** Jangan keluar dahulu (*kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang keluar*) kalau tidak cukup koram — duduk di sini jikalau ada spirit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak cukup koram—bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana koram tidak cukup, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok, hari Rabu, 10hb Jun, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*